
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2013

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga (S2 2013: 4.4%). Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan mencatat peningkatan sebanyak 8.3% (S2 2013: 7.4%), manakala sektor eksport kembali pulih untuk berkembang sebanyak 1.7% (S2 2013: -5.2%). Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku ketiga, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi global yang sederhana pada suku ketiga menyokong pemulihan eksport. Pasaran kewangan antarabangsa, bagaimanapun, mengalami turun naik yang lebih ketara dalam keadaan ketidaktentuan dasar fiskal dan monetari di ekonomi maju, terutamanya di Amerika Syarikat (AS). Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi telah berkembang sebanyak 1.7% (S2 2013: 1.4%).

Ekonomi berkembang pada suku ketiga
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 8.2% (S2 2013: 7.2%), disokong oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan upah yang mampan. Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana kepada 7.8% (S2 2013: 11.8%) pada suku ketiga, mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih baik kepada 8.6% (S2 2013: 6.0%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta. Pelaburan swasta berkembang sebanyak 15.2% (S2 2013: 12.7%), didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan serta projek-projek yang sedang dilaksanakan dalam sektor minyak dan gas. Sementara itu, pertumbuhan pelaburan awam bertambah baik tetapi kekal lemah pada -1.3% (S2 2013: -6.4%). Pelaburan awam didorong terutamanya oleh pelaburan perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, utiliti dan gas.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi meningkat pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus berkembang, disokong oleh permintaan dalam negeri serta aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor perlombongan mencerminkan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang mampan, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Pertumbuhan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 2.2% pada suku ketiga (S2 2013: 1.8%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan serta makanan* dan *minuman bukan alkohol*.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa telah meningkat kepada RM9.8 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 4.1% daripada Pendapatan Negara Kasar (S2 2013: RM2.6 bilion atau 1.1% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh lebihan yang lebih tinggi dalam akaun barangan. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM5.2 bilion), disebabkan aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar daripada pelaburan portfolio dan pelaburan lain. Imbangan pembayaran keseluruhan telah mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM11.8 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM1.5 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM444.6 bilion (bersamaan dengan USD136.5 bilion) pada 30 September 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2013, kedudukan rizab berjumlah RM446.2 bilion (bersamaan dengan USD137.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku ketiga. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatif kekal stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) bank perdagangan juga kekal tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus mencatat trend yang sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan September 2013: 5.40%; akhir bulan Jun 2013: 5.43%).

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM10.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 12.5%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM16.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 8.5%). M3 terus berkembang pada suku ketiga disebabkan pemberian pinjaman kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih tinggi.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM260.5 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM251.0 bilion). Pinjaman sistem perbankan terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 9.1%), manakala dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM20.1 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM13.9 bilion).

Pasaran pertukaran asing mengalami turun naik pada suku ketiga. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit berserta kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS berikutan jangkaan pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS yang telah menyebabkan kebalikan aliran modal daripada kebanyakan pasaran kewangan serantau. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (7.8%), euro (5.6%) dan yen Jepun (3.3%), serta berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 1.7% hingga 8.5%. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 14.6%.

Antara 1 Oktober hingga 13 November, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

sebanyak 1.5%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (3.3%), yen Jepun (3.1%), dan euro (2.0%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 0.9% hingga 2.2% pada tempoh tersebut.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan sepanjang suku ketiga, meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik yang lebih ketara. Pengantaraan kewangan domestik terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang teguh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal kekal melebihi paras keperluan minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 12.1%, 13.0% dan 14.4%. Begitu juga, nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 236.7% (S2 2013: 229.5%), dengan penampan modal lebihan sebanyak RM27.4 bilion.

Permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, kemunculan tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi maju utama dijangka menyokong pertumbuhan global keseluruhan. Ketidaktentuan mengenai pelarasan dasar fiskal dan monetari dalam ekonomi ini, bagaimanapun, dijangka mempengaruhi sentimen pasaran dan prospek pertumbuhan keseluruhan dalam ekonomi global. Walaupun limpahan dasar global dijangka memberikan sedikit kesan kepada Asia, pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri.

Bagi ekonomi Malaysia, pemulihan secara beransur-ansur dalam sektor luaran akan menyokong pertumbuhan. Permintaan dalam negeri daripada sektor swasta akan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam keadaan konsolidasi sektor awam yang berterusan. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal pada kadar yang stabil.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2013

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi terus berkembang dalam keadaan turun naik pasaran kewangan yang ketara

Ekonomi global terus berkembang pada suku ketiga. Dalam ekonomi maju, kemunculan tanda-tanda pertumbuhan yang bertambah baik menunjukkan bahawa proses pemulihan yang sederhana sedang berlaku. Pertumbuhan di Asia mampan, walaupun terdapat kadar pertumbuhan yang berbeza antara negara di rantau ini. Walau bagaimanapun, risiko luaran yang semakin meningkat, yang sebahagiannya telah menambah kelemahan dalam negeri, mendorong beberapa pihak berkuasa kewangan di rantau ini untuk melaksanakan pendirian dasar monetari yang lebih ketat bagi mengurangkan inflasi dan menstabilkan mata wang negara.

Pasaran kewangan global mengalami turun naik yang ketara berikutan ketidakpastian mengenai hala tuju dasar fiskal dan dasar monetari dalam ekonomi maju. Pada awal suku ketiga, prestasi pasaran ekuiti utama dalam ekonomi maju meningkat disebabkan oleh pengumuman data ekonomi yang lebih baik di Eropah. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan di Asia terus mengalami turun naik memandangkan data ekonomi Republik Rakyat China (RR China) yang lemah telah menambah kebimbangan mengenai kemungkinan kelembapan menjadi lebih meruncing daripada jangkaan di RR China. Pada bulan Ogos, keadaan pasaran kewangan global menjadi semakin buruk. Harga ekuiti mencatat kejatuhan disebabkan oleh ketidakpastian mengenai masa pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) oleh Federal Reserve (Fed) AS dan kebimbangan terhadap asas ekonomi beberapa negara Asia. Kebimbangan yang tinggi juga timbul berikutan kemungkinan berlakunya serangan tentera Amerika Syarikat ke atas Syria. Sentimen pasaran seterusnya bertambah baik apabila perkembangan pada bulan September menyebabkan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko. Ini termasuk keputusan Fed AS semasa mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan September untuk meneruskan pembelian aset, prospek pertumbuhan yang lebih baik di kebanyakan ekonomi maju dan RR China, serta berkurangnya risiko geopolitik. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku ketiga, keadaan pasaran sekali lagi menjadi bertambah buruk ekoran ketidakpastian mengenai jangkaan penutupan perkhidmatan kerajaan di AS. Meskipun terdapat perkembangan yang mencabar ini, kebanyakan pasaran ekuiti utama menamatkan suku ketiga pada paras yang lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi AS kekal mampan pada suku ketiga 2013 (1.6%; S2 2013: 1.6%). Pada asas pelarasan bermusim tahunan, pertumbuhan lebih tinggi pada 2.8% (S2 2013: 2.5%). Keadaan yang bertambah baik ini disokong oleh pelaburan swasta yang lebih tinggi dan kadar pengumpulan inventori swasta yang lebih pesat. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan merosot lagi (-2.8%; S2 2013: -2.0%). Momentum pertumbuhan keseluruhan telah menghadapi rintangan ekoran ketidakpastian terhadap dasar fiskal dan monetari. Pasaran perumahan dan pekerja terus pulih walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pembinaan dan jualan rumah kediaman meningkat pada kadar yang lebih kecil ekoran kenaikan kadar gadai janji. Peluang pekerjaan menurun kepada 490,000 pada suku ketiga 2013 (S2 2013: 547,000) berikutan berkurangnya pengambilan pekerja dalam sektor perkhidmatan. Kadar inflasi meningkat kepada 1.6% (S2 2013: 1.4%) disebabkan oleh kenaikan harga tenaga.

Di kawasan euro, data ekonomi suku ketiga yang bercampur-campur menunjukkan bahawa kadar pemulihan masih lemah dan tidak sekata. Kebimbangan berhubung dengan isu struktur dan fiskal terus mengekang pertumbuhan. Ini termasuk paras hutang sektor awam dan

swasta yang tinggi, kadar pengangguran yang meningkat dan pemberian pinjaman oleh bank yang terus berkurang. Inflasi kekal rendah pada 1.3% (S2 2013: 1.4%) disebabkan oleh harga tenaga yang rendah.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang sebanyak 1.5% (S2 2013: 1.4%). Pada asas pelarasan bermusim, pertumbuhan suku tahunan berkembang sebanyak 0.8% (S2 2013: 0.7%), didorong oleh peningkatan menyeluruh dalam semua sektor. Inflasi pula stabil pada 2.7% (S2 2013: 2.7%).

Di Jepun, aktiviti ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang bertambah baik. Eksport mencatat pertumbuhan sebanyak 3.0% (S2 2013: 0.0%) disebabkan terutamanya oleh penghantaran ke Asia, AS dan Eropah Barat yang lebih tinggi. Pelaburan meningkat berikutan sentimen perniagaan yang lebih baik. Aktiviti penggunaan bertambah baik, disokong oleh permintaan terhadap barangan tahan lama yang lebih tinggi. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) mencatat peningkatan positif (0.7%; S2 2013: 0.0%) ekoran kenaikan harga tenaga serta pengangkutan dan komunikasi.

Dasar monetari ekonomi maju kekal sangat akomodatif pada suku ketiga. Di AS, FOMC mengekalkan kadar federal funds antara 0 - 0.25% dan meneruskan program pembelian aset sebanyak USD85 bilion setiap bulan. Pada mesyuarat bulan September, FOMC menyatakan bahawa ia akan "menunggu lebih banyak bukti yang menunjukkan pemulihan adalah mampan" sebelum mengurangkan kadar pembelian aset semasa. Sebagai mencerminkan kadar pertumbuhan semasa yang lebih wajar, kadar pertumbuhan rasmi Fed diunjurkan lebih rendah, masing-masing pada 2.0-2.3% dan 2.9-3.1% bagi tahun 2013 dan 2014 (Terdahulu: masing-masing pada 2.3-2.6% dan 3.0-3.5%). Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah kepada 0.25% pada bulan November. Keputusan ini dibuat berdasarkan tanda-tanda terkini yang menunjukkan bahawa tempoh bagi kadar inflasi yang rendah di bawah sasaran 2% akan berpanjangan berikutan aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan. ECB juga menegaskan mengenai pendirian dasar monetarinya (atau "forward guidance") untuk kekal akomodatif selama diperlukan. Bank of England (BoE) juga mengekalkan kadar dasar utamanya pada 0.5% dan program pembelian aset sebanyak £375 bilion. Selain itu, BoE juga menggunakan "forward guidance" buat kali pertamanya pada bulan Ogos dengan menyatakan bahawa BoE tidak akan menaikkan Kadar Bank melebihi kadar semasanya sebanyak 0.5% sekurang-kurangnya sehingga kadar pengangguran menjadi kurang daripada 7%. Bank pusat itu menyatakan kesediaannya untuk meneruskan pembelian aset jika rangsangan tambahan diperlukan. BoE juga menyatakan bahawa "forward guidance" akan dimansuhkan sekiranya menjadi risiko yang besar kepada kestabilan harga atau kewangan. Di Jepun, Bank of Japan mengekalkan pendirian akomodatifnya menerusi pengembangan asas monetarinya sebanyak JPY60-70 trilion setahun.

Aktiviti ekonomi di Asia terus berkembang, meskipun pada kadar pertumbuhan yang berbeza antara negara. Dalam kebanyakan ekonomi, permintaan dalam negeri kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh pendapatan yang lebih tinggi dan langkah-langkah rangsangan fiskal. Eksport juga bertambah baik sejajar dengan pemulihan beransur-ansur dalam permintaan luaran. Aktiviti ekonomi di RR China, Korea dan Singapura berkembang dengan lebih cepat (masing-masing 7.8%, 3.3% dan 5.1%; S2 2013: masing-masing 7.5%, 2.3% dan 4.2%). Pertumbuhan di RR China dan Korea didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	2.8	0.1	1.1	2.5	2.8[a]
UK	0.0	-0.2	0.2	1.3	1.5[p]
Jepun[1]	-3.7[d]	0.6[d]	4.3[d]	3.8	1.9[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

langkah rangsangan kerajaan manakala eksport pula terus meningkat. Di Singapura, pertumbuhan disokong terutamanya oleh prestasi sektor perkilangan yang bertambah baik, khususnya kelompok kejuruteraan pengangkutan dan elektronik. Walau bagaimanapun, di China Taipei dan Indonesia, pertumbuhan menjadi sederhana (masing-masing 1.6% dan 5.6%; S2 2013: masing-masing 2.5% dan 5.8%) disebabkan terutamanya oleh eksport bersih yang lebih rendah.

Inflasi meningkat di beberapa ekonomi (RR China, India dan Korea) berikutan kenaikan harga makanan, sebahagiannya akibat keadaan cuaca yang buruk. Di Indonesia, harga makanan meningkat pada bulan Ramadhan, manakala kos pengangkutan naik dengan nyata ekoran harga bahan api bersubsidi yang lebih tinggi pada bulan Jun. Kenaikan kadar inflasi di Hong Kong SAR disebabkan oleh kadar sewa perumahan awam yang meningkat dengan nyata pada pertengahan suku ketiga. Di Singapura, inflasi meningkat disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos pengangkutan darat persendirian setelah menguncup pada suku sebelumnya. Inflasi bagaimanapun menjadi sederhana di China Taipei dan Thailand berikutan harga makanan yang lebih rendah, manakala di Filipina, kadar inflasi yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang lebih kecil dalam tarif elektrik, harga gas dan bahan api lain.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	7.4	7.9	7.7	7.5	7.8
Indonesia	6.2	6.1	6.0	5.8	5.6
Singapura	0.0	1.5	0.3[d]	4.2[d]	5.1[a]
China Taipei	0.7	4.0	1.6[d]	2.5	1.6[a]
Korea	1.6	1.5	1.5	2.3[p]	3.3[a]

[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dengan tekanan inflasi yang pada amnya kekal sederhana di seluruh rantau ini, kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan dalam keadaan persekitaran global yang mencabar. Hanya Bank Indonesia (BI) dan Reserve Bank of India (RBI) yang menaikkan kadar dasar disebabkan oleh faktor khusus dalam negara-negara ini. BI menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 125 mata asas kepada 7.25% pada suku ketiga. Pada bulan Ogos, bank pusat itu mengumumkan akan menerbitkan Sijil Deposit Bank Indonesia dan menambah peruntukan Keperluan Rizab LDR (LDR-Reserve Requirements) untuk menggiatkan pemberian pinjaman dan pemerolehan dana secara berhemat serta meningkatkan Keperluan Rizab Sekunder (Secondary Reserve Requirement) bagi bank untuk mengukuhkan pengurusan mudah tunai. Pada bulan November, BI menaikkan kadar tanda arasnya sebanyak 25 mata asas lagi kepada 7.50%. Bank pusat itu juga menyatakan bahawa kenaikan kadar faedah dasarnya merupakan sebahagian daripada langkah untuk mengukuhkan komposisi dasarnya, yang menumpukan pada pengawalan inflasi, penstabilan rupiah dan memastikan defisit akaun semasanya diurus hingga mencapai paras yang mampan. Pada suku ketiga hingga bulan Oktober, RBI menaikkan kadar reponya sebanyak 50 mata asas kepada 7.75% dalam usaha untuk menegarkan jangkaan terhadap inflasi. Untuk memperbaiki keadaan mudah tunai dalam ekonomi, bank pusat itu mengurangkan kadar kemudahan tersedia marginal (marginal standing facility, MSF) sebanyak 150 mata asas kepada 8.75% pada bulan September dan Oktober serta menyediakan mudah tunai tambahan menerusi repo bertempoh.

Berikutan tanda-tanda aktiviti ekonomi yang semakin perlahan, Thailand dan Indonesia mengumumkan langkah fiskal untuk menyokong ekonomi mereka. Pada bulan Ogos, kabinet Thailand meluluskan pakej rangsangan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonominya sebanyak satu mata

peratusan. Pelan ini menumpukan pada usaha merangsang penggunaan dan pelaburan swasta, mempercepat penggunaan bajet kerajaan serta merangsang eksport. Sementara itu, kerajaan Indonesia juga mengumumkan pakej fiskalnya pada bulan Ogos untuk menggalakkan pelaburan asing, mengurangkan import dan menyokong mata wangnya. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan akaun semasanya, cukai import atas barangan mewah akan dinaikkan berserta langkah mengurangkan import minyak dan memansuhkan kuota eksport mineral dan bijih besi. Kerajaan juga akan menyediakan insentif cukai kepada industri berintensif pekerja.

Pada suku ketiga, harga minyak mentah Brent meningkat disebabkan terutamanya oleh perkembangan geopolitik di Timur Tengah. Harga minyak pada awal suku ketiga ialah USD103 setong berikutan permintaan yang lebih rendah akibat prospek pertumbuhan global yang lemah. Walau bagaimanapun, mulai bulan Julai, konflik di Mesir telah menimbulkan kebimbangan pasaran berhubung dengan penghantaran minyak melalui Terusan Suez. Akibatnya, harga minyak mentah meningkat dan kekal sekitar USD108 setong sepanjang bulan Julai dan Ogos. Menjelang akhir bulan Ogos, kemungkinan campur tangan tentera antarabangsa di Syria telah menyebabkan harga minyak mencecah paras tertinggi dalam tempoh enam bulan iaitu pada USD117 setong. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku ketiga, harga minyak menjadi sederhana kepada USD108 setong apabila kemungkinan tindakan ketenteraan ke atas Syria berkurang. Bagi suku ketiga keseluruhannya, harga minyak mentah purata ialah USD110 setong (S2 2013: USD103 setong).

Dalam pasaran pertukaran asing, kebanyakan mata wang utama menamatkan suku ketiga pada nilai yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS. Euro dan paun sterling memulakan suku ketiga dengan trend menyusut nilai disebabkan oleh kebimbangan yang ketara terhadap kemelut politik di Portugal serta penurunan penarafan kredit kerajaan Itali oleh S&P. Sejak pertengahan bulan Julai, mata wang secara amnya menambah nilai, disokong oleh data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan di UK, Jerman dan kawasan euro. Sementara itu, yen menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada separuh pertama suku ketiga ekoran data inflasi yang lebih baik daripada yang dijangka serta jangkaan bahawa Bank of Japan tidak akan menambah langkah rangsangannya. Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan kedua suku ketiga, nilai yen merosot berbanding dengan dolar AS, mencerminkan sentimen negatif pelabur berikutan kemungkinan yang lebih besar bahawa cukai penggunaan akan dinaikkan. Di Asia, mata wang kebanyakan ekonomi perindustrian baharu (NIE) juga menamatkan suku ketiga pada nilai yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS, disokong oleh aliran masuk modal yang berterusan disebabkan oleh asas ekonomi yang secara relatif lebih kukuh. Walau bagaimanapun, kebanyakan mata wang ASEAN menerima kesan daripada kebalikan aliran modal sebagai mencerminkan ketidakpastian pasaran yang berkisar kepada kemungkinan AS mengecilkan skala program QEnya. Meskipun keputusan Fed untuk menangguhkan QE di AS pada bulan September telah menaikkan nilai kebanyakan mata wang ASEAN, kadar penambahan nilai adalah terhad disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti untuk mengelakkan risiko akibat ketidakpastian yang berterusan mengenai masa dan kadar pengecilan skala QE di AS.

Melangkah ke hadapan, kemunculan tanda-tanda pemulihan di AS dan kawasan euro akan sedikit sebanyak menyumbang kepada pertumbuhan global secara keseluruhan. Namun, ketidakpastian berhubung dengan pelarasan dasar fiskal dan monetari dalam ekonomi maju menimbulkan risiko bahawa pertumbuhan ekonomi global akan menjadi lebih perlahan. Meskipun kesan limpahan dasar global mungkin mempengaruhi rantau Asia, pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri dan disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan dasar yang fleksibel.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Momentum pertumbuhan bertambah kukuh

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga dengan permintaan dalam negeri terus memacu pertumbuhan. Pertumbuhan dalam perbelanjaan sektor swasta adalah lebih tinggi, disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta. Selepas mencatat penguncupan selama empat suku tahunan berturut-turut, eksport kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Ini telah mendorong sumbangan positif eksport bersih kepada pertumbuhan, meskipun import mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku itu. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7% (S2 2013: 1.4%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 8.3% (S2 2013: 7.4%) disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah dan perniagaan, serta perbelanjaan sektor awam.

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 8.2% pada suku ketiga. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana pada suku ketiga (7.8%; S2 2013: 11.8%), mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih sederhana untuk bekalan dan perkhidmatan.


Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.6% (S2 2013: 6.0%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 15.2% (S2 2013:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	11.4	7.8	8.2	7.4	8.3
Penggunaan	7.4	4.9	6.2	8.1	8.1
Sektor swasta	*8.6*	*6.2*	*7.5*	*7.2*	*8.2*
Sektor awam	*2.4*	*1.2*	*0.6*	*11.8*	*7.8*
Pembentukan Model Tetap Kasar	22.3	16.0	13.1	6.0	8.6
Sektor swasta	*22.4*	*20.1*	*10.8*	*12.7*	*15.2*
Sektor awam	*22.2*	*12.9*	*17.3*	*-6.4*	*-1.3*
Eksport Bersih	-47.6	-9.3	-36.4	-41.6	1.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-2.5*	*-1.6*	*-0.6*	*-5.2*	*1.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.5*	*-0.6*	*3.6*	*-2.0*	*1.8*
KDNK	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi
(pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	0.6	5.6	6.0	0.4	2.1
Perlombongan	8.4	-1.2	4.2	-1.9	4.1	1.7
Perkilangan	24.9	3.3	5.7	0.3	3.5	4.2
Pembinaan	3.5	17.9	17.6	14.2	9.9	10.1
Perkhidmatan	54.6	7.0	6.4	6.1	5.0	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

12.7%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, serta projek-projek yang sedang dilaksanakan dalam sektor minyak dan gas. Mengikut jenis aset, aktiviti pelaburan didorong terutamanya oleh perbelanjaan bagi struktur (11.0%; S2 2013: 10.9%). Walau bagaimanapun, pelaburan awam mencatat kemerosotan yang lebih kecil (-1.3%; S2 2013: -6.4%), berikutan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, minyak dan gas, serta utiliti diimbangi oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus merosot.

Sektor ekonomi utama berkembang dalam keadaan permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah baik pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus berkembang, disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor perlombongan mencerminkan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang mampan, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Pertumbuhan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam.

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 5.9% pada suku ketiga (S2 2013: 5.0%), disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti perdagangan dan perkilangan yang bertambah baik. Pertumbuhan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit lebih tinggi pada 5.9% (S2 2013: 5.0%), disebabkan terutamanya oleh segmen runcit berikutan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi. Sementara itu, segmen borong bertambah baik, sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih tinggi. Faktor-faktor ini juga menyokong pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan (5.1%; S2 2013: 4.2%). Subsektor komunikasi terus berkembang kepada 10.8% (S2 2013: 9.8%) didorong oleh permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data. Subsektor kewangan dan insurans kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.8% (S2 2013: -0.1%), berikutan peningkatan dalam pendapatan berasaskan fi, dan pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan berasaskan faedah bersih ekoran aktiviti pemberian pinjaman bank yang menggalakkan.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.0**	**8.9**	**8.3**	**6.3**	**4.1**	**5.0**
Kewangan & insurans	17.2	11.7	10.8	6.2	-0.1	0.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.1	7.5	6.6	6.3	6.9	8.3
Pengangkutan & penyimpanan	6.7	3.7	4.4	3.8	4.2	5.1
Komunikasi	7.0	9.2	8.6	9.0	9.8	10.8
Perkhidmatan Akhir	**59.0**	**5.7**	**5.1**	**5.9**	**5.6**	**6.5**
Perdagangan borong & runcit	26.1	4.5	2.4	5.9	5.0	5.9
Penginapan & restoran	4.5	4.1	4.8	6.2	4.9	5.5
Utiliti	4.6	3.8	4.1	3.9	4.1	4.0
Perkhidmatan Kerajaan	14.7	10.9	11.3	7.0	7.7	9.5
Perkhidmatan lain	9.2	3.4	4.1	5.2	5.3	5.1
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**7.0**	**6.4**	**6.1**	**5.0**	**5.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	118.3	118.7	122.9	109.7	102.0
Indeks Perdagangan Runcit MIER	130.2	94.8	101.0	104.9	107.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	129.9	129.8	115.5	112.6	138.8
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	-2.2	2.9	15.9	0.6	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	2.9	8.6	9.1	18.9	22.7
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	7.1	7.7	7.0	7.3
Jumlah pinjaman terkumpul	11.9	10.4	10.6	9.1	9.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	11.8	12.1	14.2	14.6	11.9
Import barangan penggunaan	9.7	5.6	3.0	12.4	9.7
Jumlah jualan kenderaan bermotor	2.7	12.9	13.9	-4.3	11.0
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	1.7	0.4	-0.4	0.5	3.0

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan


	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**3.3**	**5.7**	**0.3**	**3.5**	**4.2**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**3.5**	**6.0**	**0.2**	**3.6**	**4.3**
Industri berorientasikan eksport	**80.2**	**2.5**	**5.3**	**-0.5**	**1.8**	**4.2**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**32.3**	**1.9**	**3.9**	**1.1**	**1.3**	**4.0**
antaranya:						
Elektronik	21.4	5.1	12.7	8.1	8.6	10.1
Keluaran elektrik	10.9	-1.9	-5.8	-7.0	-7.9	-4.0
Kelompok keluaran berkaitan	**47.9**	**2.7**	**6.0**	**-1.3**	**2.1**	**4.4**
antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	17.4	5.9	7.8	3.5	5.0	9.1
Keluaran petroleum	15.8	-0.2	4.2	-11.4	0.1	0.6
Keluaran getah	2.5	1.5	3.2	12.1	6.7	13.1
Pemprosesan di luar estet	3.7	-2.5	11.1	11.9	0.2	-0.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**19.8**	**6.9**	**8.1**	**2.4**	**9.1**	**4.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**8.3**	**10.5**	**10.5**	**2.7**	**7.9**	**0.8**
antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	5.5	1.6	-1.6	-3.7	-8.2	-3.5
Keluaran logam yang direka	2.8	21.6	25.2	9.6	27.2	5.2
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.5**	**3.9**	**6.2**	**2.1**	**10.2**	**7.5**
antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	4.3	11.9	19.1	8.5	23.9	12.0
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.2	2.1	0.7	-1.0	1.2	2.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan terus berkembang pada suku ketiga (4.2%; S2 2013: 3.5%), disokong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang bertambah baik dan pertumbuhan yang mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport adalah lebih tinggi pada suku itu (4.2%; S2 2013: 1.8%), apabila permintaan terhadap kimia dan keluaran kimia, petroleum bertapis, serta keluaran elektrik dan elektronik memberikan sokongan yang berterusan kepada sektor ini. Industri berorientasikan dalam negeri meningkat sebanyak 4.4% (S2 2013: 9.1%), disokong oleh permintaan yang berterusan untuk kelengkapan pengangkutan, makanan, minuman dan keluaran tembakau.

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan	27.2	25.6	16.3	11.6	12.0
Kediaman	21.1	25.0	10.8	25.6	23.6
Bukan kediaman	16.1	7.9	-1.4	0.5	9.9
Kejuruteraan awam[1]	43.8	41.0	40.6	12.5	6.7
Kelulusan perumahan	3.2	12.3	-19.4	-37.8	-1.0
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	10.5	10.5	2.7	7.9	0.8
Produk berstruktur logam	40.4	40.9	16.1	60.6	4.9
Besi dan keluli	-5.9	-3.6	6.6	-1.7	11.0
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	6.0	3.4	-6.3	-8.2	-9.3
Konkrit siap dibancuh	18.2	18.4	23.1	17.8	10.6
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	5.3	-59.6	-28.9	-5.8	-1.4
Pengeluaran	48.8	4.2	23.5	25.8	-4.0

[1] Termasuk kerja-kerja pertukangan khas seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**0.6**	**5.6**	**6.0**	**0.4**	**2.1**
Tanaman Industri	**55.7**	**-3.9**	**4.9**	**5.4**	**-5.5**	**-1.9**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.5	1.6	11.6	14.6	1.2	-0.5
Getah	8.2	-14.9	0.9	-2.2	-26.2	-2.2
Tanaman Makanan	**44.3**	**6.6**	**6.7**	**6.7**	**7.3**	**7.0**
Antaranya:						
Perikanan	14.4	4.9	5.8	6.9	1.3	2.0
Ternakan	11.7	6.7	11.6	6.7	8.1	11.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**-1.2**	**4.2**	**-1.9**	**4.1**	**1.7**
Pengeluaran						
Antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	-	-0.6	5.8	-3.5	2.0	-1.0
Gas asli	-	-1.7	4.6	0.3	8.1	6.9

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan adalah lebih tinggi sedikit pada suku ketiga (80%; S2 2013: 79%). Industri eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 82% dan 75% daripada jumlah kapasiti (S2 2013: masing-masing 79% dan 76%).

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang stabil pada suku ketiga (10.1%; S2 2013: 9.9%). Pertumbuhan didorong oleh peningkatan dalam subsektor kediaman, disokong oleh aktiviti pembinaan harta tanah bertingkat tinggi dan mewah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Pertumbuhan terus meningkat dalam subsektor bukan kediaman berikutan peningkatan projek-projek kompleks perniagaan dan perindustrian. Subsektor kejuruteraan awam terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berikutan beberapa projek infrastruktur, minyak dan berkaitan gas yang hampir siap. Ini termasuk Jambatan Kedua Pulau Pinang, laluan berkembar Ipoh-Padang Besar, projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor dan Sabah Oil and Gas Terminal.

Sektor pertanian meningkat sebanyak 2.1% pada suku ketiga (S2 2013: 0.4%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam tanaman makanan. Pengeluaran tanaman perindustrian mengalami penguncupan disebabkan terutamanya oleh pengeluaran

minyak sawit dan getah yang menguncup. **Sektor perlombongan** mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.7% (S2 2013: 4.1%), mencerminkan pengeluaran gas asli yang lebih rendah, manakala pengeluaran minyak mentah menguncup sedikit disebabkan oleh kerja-kerja penyenggaraan.


Inflasi lebih tinggi pada suku ketiga

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 2.2% pada suku ketiga (S2 2013: 1.8%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* dan *makanan dan minuman bukan alkohol*.

Inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat kepada 2.0% pada suku ketiga (S2 2013: 0.4%), disebabkan oleh pelarasan menaik bagi harga produk petroleum pada bulan September 2013. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* juga meningkat kepada 3.8% (S2 2013: 3.5%) disebabkan oleh permintaan yang lebih kukuh pada bulan Ramadhan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat penurunan pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 2.3% pada suku ketiga (S2 2013: -4.1%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.0% (S2 2013: -10.8%). Sementara itu, harga komponen bukan berkaitan komoditi terus merosot sebanyak 0.3% (S2 2013: -0.2%). Harga komponen tempatan dan diimport juga merosot pada kadar yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 2.9% dan 1.1% (S2 2013: masing-masing -5.2% dan -1.6%).

Sumbangan kepada Inflasi




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan pada suku ketiga

Keadaan guna tenaga bertambah baik pada suku ketiga, dengan jumlah guna tenaga berpurata sebanyak 13.6 juta orang pada tempoh dua bulan pertama suku itu. Ini mencerminkan pertambahan pekerjaan bersih sebanyak 381 ribu orang berbanding dengan suku sebelumnya. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1% pada bulan Julai-Ogos (S2 2013: 3.0%). Permintaan terhadap pekerja juga kekal kukuh pada suku ketiga, seperti yang ditunjukkan oleh jumlah kekosongan jawatan yang lebih tinggi dalam Portal JobsMalaysia (361,080 jawatan; S2 2013: 353,261 jawatan).

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia mencatat penurunan yang nyata kepada 1,699 orang (S2 2013: 4,854 orang), disebabkan oleh pemberhentian pekerja yang berkurang dengan ketara dalam sektor perkilangan. Sementara itu, agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 8.1% (S2 2013: 5.6%), disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport, manakala pertumbuhan upah kekal dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Kedudukan luaran bertambah baik pada S3

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM9.8 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 4.1% daripada PNK (S2 2013: RM2.6 bilion atau 1.1% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh lebihan akaun barangan yang lebih tinggi.

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM18.6 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM8.2 bilion) berikutan prestasi eksport kasar yang bertambah baik dalam keadaan import kasar yang terus berkembang.

Imbangan Pembayaran[1]

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**9.6**	**22.9**	**8.7**	**2.6**	**9.8**
(% daripada PNK)	*4.2*	*9.6*	*3.9*	*1.1*	*4.1*
Barangan	25.6	34.3	24.7	18.7	25.8
Perkhidmatan	-2.3	-2.2	-3.4	-3.7	-4.3
Pendapatan primer	-8.9	-5.6	-8.8	-8.4	-8.1
Pendapatan sekunder	-4.7	-3.5	-3.8	-4.1	-3.5
Akaun Kewangan	**-9.0**	**-10.3**	**1.0**	**5.2**	**-11.5**
Pelaburan langsung	1.5	-18.4	-2.2	-7.9	2.0
Aset	*-7.2*	*-16.5*	*-11.5*	*-15.4*	*-7.3*
Liabiliti	*8.7*	*-1.9*	*9.4*	*7.4*	*9.3*
Pelaburan portfolio	27.8	10.4	3.9	3.7	-9.7
Aset	*-6.0*	*-4.1*	*-5.3*	*-11.0*	*-10.3*
Liabiliti	*33.8*	*14.5*	*9.2*	*14.7*	*0.6*
Derivatif kewangan	-0.1	0.1	0.2	-1.4	0.6
Pelaburan lain	-38.3	-2.3	-0.9	10.8	-4.4
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-8.1	-7.0	-5.6	-6.2	13.4
Imbangan Keseluruhan	**-7.5**	**5.9**	**4.0**	**1.5**	**11.8**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selepas mencatat penguncupan selama empat suku tahunan berturut-turut, eksport kasar bertukar arah dan mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga (7.6%; S2 2013: -5.4%) disokong oleh permintaan luaran yang bertambah baik dan harga komoditi yang lebih menggalakkan. Eksport negara ke rantau ini lebih tinggi, terutamanya produk petroleum

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**-1.9**	**-2.2**	**-2.6**	**-5.4**	**7.6**
Perkilangan	66.9	-1.3	-2.4	-3.2	-2.5	6.5
E&E	*32.9*	*-1.7*	*-4.4*	*-4.9*	*-4.0*	*5.3*
Bukan E&E	*34.0*	*-0.9*	*-0.6*	*-1.5*	*-1.1*	*7.7*
Petroleum & berkaitan pertanian	*12.9*	*-5.1*	*-1.7*	*-3.5*	*-3.7*	*1.2*
Kelengkapan & logam	*12.6*	*6.2*	*1.8*	*-0.7*	*-2.3*	*13.6*
Pelbagai barangan perkilangan	*8.5*	*-3.7*	*-2.3*	*0.4*	*4.8*	*8.7*
Komoditi	32.2	-4.0	-2.4	-1.8	-11.5	11.2
Mineral	*20.8*	*9.8*	*7.4*	*6.2*	*-5.9*	*23.8*
Pertanian	*11.4*	*-21.2*	*-16.8*	*-17.0*	*-21.2*	*-10.7*
Import Kasar	**100.0**	**6.9**	**0.9**	**6.4**	**2.5**	**7.5**
Barangan pengantara	60.0	-3.8	-9.6	0.0	3.0	4.0
Barangan modal	15.8	21.6	14.3	13.8	-6.2	3.6
Barangan penggunaan	7.2	9.7	5.6	3.0	12.4	9.7
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	17.0	44.1	31.3	26.6	5.0	21.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**17.1**	**26.9**	**16.3**	**8.2**	**18.6**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

bertapis, E & E, produk logam serta kimia dan keluaran kimia. Walau bagaimanapun, eksport ke AS dan Jepun masih lemah.

Import kasar berkembang lebih cepat pada 7.5% (S2 2013: 2.5%) didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam import produk untuk dieksport semula dan pengembangan berterusan dalam kategori import lain. Pertumbuhan import yang nyata untuk aktiviti eksport semula mencerminkan pengembangan berterusan dalam kemudahan penyimpanan di selatan Johor, terutamanya untuk petroleum bertapis dan tembaga. Import barangan pengantara dan modal meningkat pada kadar yang lebih cepat selaras dengan eksport barangan perkilangan serta pelaburan yang lebih tinggi pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import barangan penggunaan menjadi sederhana disebabkan oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna separuh tahan lama.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM4.3 bilion pada suku ketiga (S2 2013: -RM3.7 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran yang lebih

tinggi untuk pengangkutan sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti perdagangan pada suku tersebut. Selain itu, pendapatan perjalanan lebih rendah berikutan perbelanjaan pelancong di Malaysia yang berkurang berbanding dengan suku sebelumnya.

Defisit dalam baki pendapatan utama mengecil sedikit kepada RM8.1 bilion (S2 2013: -RM8.4 bilion), berikutan peningkatan pendapatan pelaburan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terutamanya ke dalam syarikat minyak dan gas serta perkhidmatan.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion pada suku ketiga (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM5.2 bilion) disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar pelaburan portfolio dan pelaburan lain.

Pelaburan langsung masuk (atau perubahan dalam liabiliti pelaburan langsung) lebih tinggi dan mencatat aliran masuk sebanyak RM9.3 bilion (S2 2013: RM7.4 bilion) hasil daripada pendapatan tertahan yang lebih tinggi pada suku tersebut memandangkan syarikat multinasional meraih keuntungan yang lebih tinggi dan mengurangkan penghantaran balik dividen kepada pemegang saham di luar negeri.

Pelaburan langsung dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan serta minyak dan gas.

Pelaburan langsung keluar (atau perubahan dalam aset pelaburan langsung) adalah lebih kecil pada RM7.3 bilion (S2 2013: RM15.4 bilion pelaburan langsung keluar). Ini disebabkan oleh pemberian modal ekuiti yang lebih kecil berikutan pendapatan tertahan yang lebih tinggi di luar negeri. Pelaburan dibuat terutamanya oleh syarikat Malaysia dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.7 bilion pada suku ketiga (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM3.7 bilion). Ini disebabkan oleh pelaburan portfolio di luar negeri yang berterusan oleh pelabur institusi pemastautin dalam keadaan aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kecil. Pada awal suku ketiga, terdapat aliran keluar dana portfolio asing yang agak besar sejajar dengan ketidakpastian dalam pasaran kewangan global yang timbul ekoran kemungkinan berlakunya pengurangan terhadap program pembelian aset oleh Federal Reserve Bank. Namun, menjelang akhir suku ketiga, Malaysia mencatat aliran masuk semula ekoran berkurangnya jangkaan bahawa pengecilan oleh

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.7**	**8.3**	**4.1**	**-2.9**	**-4.7**	**-7.7**
Kesatuan Eropah (EU)	**8.8**	**-19.2**	**-15.9**	**-6.4**	**-3.4**	**16.2**
Jepun	**11.9**	**1.7**	**-13.7**	**-9.5**	**-9.5**	**-2.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**26.4**	**10.5**	**8.0**	**9.9**	**0.8**	**11.2**
Timur Laut Asia	**23.6**	**-8.4**	**-4.1**	**-5.3**	**10.1**	**14.4**
Republik Rakyat China	*12.6*	*-11.6*	*-4.8*	*-1.7*	*-9.6*	*17.6*
Hong Kong SAR	*4.3*	*0.2*	*-4.2*	*-9.0*	*-9.4*	*4.3*
Korea	*3.6*	*-9.2*	*2.9*	*-4.0*	*-9.2*	*9.9*
China Taipei	*3.1*	*-5.5*	*-8.4*	*-16.7*	*-14.5*	*20.9*
Asia Barat[2]	**3.4**	**2.5**	**-8.8**	**-1.3**	**5.4**	**-2.0**
India	**4.2**	**0.7**	**12.9**	**-3.0**	**-10.2**	**-15.8**
Jumlah eksport	**100.0**	**-1.9**	**-2.2**	**-2.6**	**-5.4**	**7.6**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Fed akan berlaku. Terdapat juga aliran masuk dana portfolio disebabkan oleh terbitan bon luar pesisir dalam denominasi mata wang asing oleh sebuah perbadanan awam.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.4 bilion (S2 2013: +RM10.8 bilion), memandangkan peningkatan kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia telah lebih daripada mengimbangi jualan aset di luar negeri oleh sektor perbankan domestik.

Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM11.8 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM1.5 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah +RM13.4 bilion (4.1% daripada jumlah perdagangan). Ini sebahagiannya mencerminkan penambahan rizab antarabangsa yang disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama pada suku tersebut.

Hutang luar negeri

Jumlah hutang luar negeri meningkat kepada RM306.6 bilion atau USD93.2 bilion pada akhir bulan September 2013 (akhir bulan Jun: RM284.7 bilion atau USD88.6 bilion), bersamaan dengan 32.1% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan jangka panjang meningkat kepada RM186.3 bilion, mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Pada akhir bulan September 2013, hutang luar negeri jangka pendek juga lebih tinggi pada RM120.3 bilion disebabkan terutamanya oleh ambilan bersih peminjaman antara bank. Jumlah hutang luar negeri yang lebih tinggi pada suku itu juga disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan utama.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2012	2013	
	akhir Sept	akhir Jun	akhir Sept[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	159.1	170.3	186.3
Sektor awam	84.8	82.2	92.8
Sektor swasta	74.3	88.0	93.5
Hutang jangka pendek[1]	100.5	114.4	120.3
Jumlah hutang luar negeri	**259.6**	**284.7**	**306.6**
bersamaan USD bilion	83.9	88.6	93.2
Hutang luar negeri/PNK (%)	28.7	29.8	32.1
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.2	3.8	3.7[2]


[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2013
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM444.6 bilion (bersamaan dengan USD136.5 bilion) pada 30 September 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2013, rizab berjumlah sebanyak RM446.2 bilion (bersamaan dengan USD137.1 bilion),

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hasil Kerajaan terus menyokong perbelanjaan

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 9.4% pada asas tahunan kepada RM57 bilion pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh pungutan cukai pendapatan individu. Hasil yang lebih tinggi ini telah menampung perbelanjaan mengurus yang digunakan terutamanya untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan, serta subsidi. Perbelanjaan pembangunan lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu, dengan sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada sektor pengangkutan dan pendidikan. Pada suku ketiga, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM5.4 bilion atau -2.2% daripada KDNK (S2 2013: -1.9% daripada KDNK). Pada akhir bulan September 2013, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM529.2 bilion atau 53.6% daripada anggaran KDNK tahun 2013.


Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2012		2013[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	52.1	57.2	43.8	51.6	57.0
% pertumbuhan tahunan	*7.8*	*20.0*	*-8.6*	*1.7*	*9.4*
Perbelanjaan mengurus	50.1	61.6	49.9	49.2	53.4
% pertumbuhan tahunan	*2.5*	*13.1*	*9.4*	*2.0*	*6.7*
Akaun semasa	**2.0**	**-4.5**	**-6.1**	**2.4**	**3.6**
% daripada KDNK	***0.9***	***-1.8***	***-2.6***	***1.0***	***1.4***
Perbelanjaan pembangunan bersih	10.8	16.6	8.8	6.8	9.0
% pertumbuhan tahunan	*-12.0*	*-10.2*	*8.3*	*-22.4*	*-16.5*
Imbangan keseluruhan	**-8.8**	**-21.1**	**-14.9**	**-4.4**	**-5.4**
% daripada KDNK	***-3.7***	***-8.7***	***-6.4***	***-1.9***	***-2.2***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	60.9	78.3	58.7	56.0	62.4
% pertumbuhan tahunan	*-0.4*	*7.2*	*9.3*	*-1.8*	*2.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	484.6	501.6	508.9	519.3	529.2
% daripada KDNK	*51.5*	*53.3*	*51.5*	*52.6*	*53.6*
Hutang dalam negeri	467.4	484.8	492.8	502.9	512.3
% daripada KDNK	*49.7*	*51.5*	*49.9*	*50.9*	*51.9*
Hutang luar negeri	17.3	16.8	16.1	16.5	16.9
% daripada KDNK	*1.8*	*1.8*	*1.6*	*1.7*	*1.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil


Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku ketiga tahun 2013. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku ketiga. Pada tempoh antara 1 Julai dan 30 September 2013, AOIR bergerak dalam julat 2.93% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil. Kadar niaga hadapan 3 bulan KLIBOR (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) terus stabil pada suku ketiga, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa OPR tidak akan berubah.

Kadar deposit runcit stabil pada suku ketiga. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan September 2013, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.


Kos peminjaman secara amnya stabil pada suku ketiga. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan September 2013: 5.40%; akhir bulan Jun 2013: 5.43%), mencerminkan tamatnya pinjaman yang dibuat semasa kos peminjaman yang lebih tinggi sebelum pengurangan OPR pada tahun 2008 dan 2009, serta penambahan pinjaman baharu pada kadar yang secara relatif lebih rendah. Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah kekal menyokong aktiviti ekonomi

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR




Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2012	2013	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.99	3.00	2.93
1 bulan	3.08	3.08	3.07
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.55	5.43	5.40
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.92	2.91	2.91
12 bulan	3.16	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan kadar pemberian pinjaman terus berada di bawah paras sebelum krisis kewangan global.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM10.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 12.5%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM16.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 8.5%).

Dari perspektif dalam negeri, M3 terus meningkat pada suku ketiga disebabkan oleh pemberian pinjaman kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas menjadi sederhana disebabkan oleh aliran keluar bersih kerana perkembangan luar.

Penentu Wang Secara Luas, M3


	Perubahan pada tempoh				
	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**29.0**	**15.1**	**44.4**	**23.3**	**16.4**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	0.3	-5.0	8.4	2.3	15.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	27.2	25.3	24.1	30.2	23.7
Pinjaman	*19.5*	*19.2*	*21.6*	*30.8*	*23.9*
Sekuriti	*7.7*	*6.0*	*2.4*	*-0.6*	*-0.2*
Aset asing bersih[1]	22.1	-6.6	7.9	2.7	-4.2
BNM	*0.6*	*6.0*	*6.3*	*-2.1*	*-4.6*
Sistem Perbankan	*21.5*	*-12.6*	*1.7*	*4.8*	*0.4*
Pengaruh lain	-20.6	1.5	4.0	-12.0	-18.8

[1] Sebelum penilaian semula

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.


Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia menurun sedikit pada suku ketiga susulan pelupusan pemegangan mudah tunai untuk menampung aliran keluar.


Aktiviti pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku ketiga

Pada suku ketiga, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM260.5 bilion (S2 2013: RM251.0 bilion). Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 9.1%).

Dalam sektor perniagaan, pinjaman terkumpul sistem perbankan pada suku ketiga meningkat dengan jumlah yang lebih rendah sebanyak RM3.8 bilion berbanding dengan suku sebelumnya (S2 2013: RM13.8 bilion), lalu menyumbang kepada pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 7.2% pada asas tahunan (akhir bulan Jun 2013: 8.2%). Walau bagaimanapun, paras pengeluaran pinjaman kepada perniagaan kekal tinggi berbanding tempoh sebelumnya dengan pinjaman lebih tinggi dikeluarkan kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; harta tanah*; *pembinaan* dan *pertanian* pada suku tersebut. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan juga bertambah dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi daripada sebahagian besar sektor utama.


Pembiayaan kepada sektor isi rumah oleh sistem perbankan berkembang sebanyak RM19.7 bilion pada suku ketiga (S2 2013:

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2012		2013			2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**271.9**	**262.2**	**244.8**	**251.0**	**260.5**	**21.4**	**9.0**	**-5.9**	**-8.4**	**-4.2**
Pengeluaran pinjaman*	232.2	236.2	221.7	235.1	244.8	14.9	7.6	2.2	-3.0	5.4
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	31.8	19.8	22.1	11.1	12.9	76.4	16.2	-47.4	-43.5	-59.4
Ekuiti	7.9	6.1	1.0	4.8	2.8	106.1	59.6	-24.9	-60.0	-64.9
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**33.3**	**31.1**	**32.5**	**32.1**	**31.7**	**12.8**	**12.4**	**11.0**	**9.1**	**8.7**
Sistem perbankan	28.5	26.0	24.7	31.2	26.5	12.9	12.0	11.7	9.7	9.3
Pinjaman terkumpul (A)	*20.9*	*19.8*	*23.4*	*32.8*	*27.2*	*11.9*	*10.4*	*10.6*	*9.1*	*9.5*
Pemegangan PDS	*7.6*	*6.2*	*1.4*	*-1.6*	*-0.7*	*28.0*	*36.6*	*28.2*	*18.1*	*6.4*
PDS terkumpul (B)	12.4	11.4	9.1	-0.8	4.5	15.5	18.7	12.4	9.0	6.5
Memorandum										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	32.6	23.1	22.6	11.8	13.4	71.0	33.1	-49.5	-42.6	-58.9

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2012		2013			2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	181.5	172.1	187.3	208.7	214.2	-2.8	-11.4	-4.7	-5.8	18.0
Kelulusan pinjaman	94.3	95.3	87.4	103.9	103.2	-4.5	-8.5	-2.8	-6.8	9.4
Pengeluaran pinjaman	232.2	236.2	221.7	235.1	244.8	14.9	7.6	2.2	-3.0	5.4
Bayaran balik pinjaman	223.2	227.1	210.4	212.3	224.2	18.6	15.8	2.3	0.6	0.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	20.9	19.8	23.4	32.8	27.2	11.9	10.4	10.6	9.1	9.5
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	81.4	70.3	84.6	91.6	93.6	-5.3	-26.5	-19.6	-20.5	15.0
Kelulusan pinjaman	41.4	41.8	34.5	42.9	40.4	-10.9	-20.4	-23.8	-25.9	-2.5
Pengeluaran pinjaman	162.0	164.9	150.3	161.5	167.3	19.2	9.4	-1.7	-9.1	3.3
Bayaran balik pinjaman	161.1	164.3	145.7	148.1	157.9	23.8	18.6	-0.3	-3.4	-2.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.6	5.0	7.0	13.8	3.8	13.6	10.9	11.7	8.2	7.2
SMEs**										
Permohonan pinjaman	37.6	36.1	43.6	48.9	52.4	-6.3	-11.4	-19.4	10.2	39.3
Kelulusan pinjaman	18.4	16.3	15.9	19.3	18.1	-2.6	2.3	-2.8	-27.0	-1.5
Pengeluaran pinjaman	55.3	56.7	56.2	57.7	57.5	17.6	17.2	18.8	-0.2	4.0
Bayaran balik pinjaman	51.5	54.7	52.5	52.6	55.0	23.0	25.0	14.3	12.4	6.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	4.7	2.5	5.7	7.6	2.4	20.3	15.5	15.6	12.1	10.5
Large corporations										
Permohonan pinjaman	43.8	34.2	41.0	42.7	41.2	-4.4	-37.7	-19.8	-39.7	-5.9
Kelulusan pinjaman	23.0	25.5	18.6	23.6	22.3	-16.5	-30.3	-35.7	-24.9	-3.2
Pengeluaran pinjaman	106.7	108.2	94.1	103.7	109.8	20.1	5.7	-10.9	-13.4	2.9
Bayaran balik pinjaman	109.6	109.6	93.2	95.5	102.9	24.2	15.7	-7.0	-10.3	-6.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.9	2.5	1.3	6.2	1.4	9.1	7.8	8.9	5.4	4.7
Households										
Permohonan pinjaman	100.1	101.8	102.6	117.1	120.6	-0.7	3.2	12.5	10.1	20.4
Kelulusan pinjaman	52.9	53.5	52.9	61.0	62.8	1.1	3.5	18.6	13.8	18.7
Pengeluaran pinjaman	70.1	71.4	71.4	73.7	77.5	6.0	3.6	11.6	13.8	10.5
Bayaran balik pinjaman	62.1	62.9	64.7	64.2	66.3	7.0	8.9	8.6	11.2	6.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.2	18.2	16.2	17.3	19.7	11.9	11.6	12.1	11.8	11.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S3 12	S4 12	S1 13	S2 13	S3 13		
	Pada tempoh (RM bilion)				(%)		
Perusahaan perniagaan	**162.0**	**164.9**	**150.3**	**161.5**	**167.3**	**68.3**	**43.8**
Syarikat besar	*106.7*	*108.2*	*94.1*	*103.7*	*109.8*	*44.9*	*27.6*
*PKS**	*55.3*	*56.7*	*56.2*	*57.7*	*57.5*	*23.5*	*16.2*
Sektor terpilih							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	7.0	8.1	8.7	7.6	7.9	3.2	2.7
Perlombongan dan kuari	1.7	1.9	2.1	2.3	2.1	0.9	0.7
Perkilangan	52.1	51.0	48.0	49.3	49.1	20.1	8.0
Pembinaan	16.1	14.6	14.7	14.9	15.4	6.3	4.0
Harta tanah	7.8	9.5	8.4	10.6	11.7	4.8	5.8
Bekalan elektrik, gas dan air	2.2	3.1	1.9	3.5	2.1	0.9	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	42.5	46.1	43.5	45.2	45.2	18.5	7.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.5	3.7	3.1	3.8	4.3	1.8	2.3
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	20.7	18.3	14.6	17.3	22.8	9.3	6.7
Isi rumah	**70.1**	**71.4**	**71.4**	**73.7**	**77.5**	**31.7**	**56.2**
Pembelian harta kediaman	16.2	16.9	16.8	18.4	18.7	7.7	26.4
Kredit penggunaan	42.7	43.3	41.9	42.2	45.7	18.7	18.9
Antaranya:							
Kad kredit	*23.0*	*24.2*	*23.2*	*23.8*	*25.8*	*10.5*	*2.8*
Pembelian kereta penumpang	*10.8*	*10.6*	*10.9*	*10.1*	*11.2*	*4.6*	*11.2*
Lain-lain	11.2	11.1	12.6	13.0	13.1	5.3	10.9
Jumlah	**232.2**	**236.2**	**221.7**	**235.1**	**244.8**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

RM17.3 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman isi rumah terkumpul meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 11.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 11.8%). Permintaan isi rumah terhadap pembiayaan pada suku tersebut terutamanya adalah untuk *pembelian harta kediaman; kereta penumpang; sekuriti* dan untuk *kegunaan peribadi.*

Pasaran modal mencatat pembiayaan bersih lebih tinggi

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus kukuh dan mencatat jumlah dana bersih sebanyak RM20.1 bilion pada suku ketiga (S2 13: RM13.9 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta lebih tinggi pada RM13.4 bilion pada suku ketiga (S2 13: RM11.8 bilion), manakala terbitan ekuiti berjumlah RM2.8 bilion (S2 13: RM4.8 bilion). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat.


Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**10.4**	**17.6**	**8.0**	**10.2**	**13.7**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	7.8	15.7	6.3	12.6	11.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*14.2*	*11.6*	*13.5*	*12.6*	*16.3*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*11.1*	*8.0*	*10.1*	*12.0*	*10.0*
Tolak: Penebusan	*17.5*	*4.0*	*17.2*	*12.0*	15.3
Bon Simpanan, *bersih*	-	-	-	(2.4)	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	2.6	1.9	1.7	-	2.7
Oleh Sektor Swasta	**18.3**	**20.1**	**8.7**	**3.7**	**6.4**
Saham	7.9	6.1	1.0	4.8	2.8
Sekuriti hutang, *bersih*	10.3	14.0	7.7	(1.1)	3.6
Sekuriti Hutang Swasta	*32.6*	*23.1*	*22.6*	*11.8*	*13.4*
Tolak: Penebusan	*22.3*	*9.1*	*14.9*	*12.9*	*9.7*
Jumlah	**28.7**	**37.7**	**16.7**	**13.9**	**20.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia


Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh meningkat sebanyak RM13.7 bilion pada suku ketiga (S2 13: RM10.2 bilion). Yang penting, pada suku itu, Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 30 tahun telah diterbitkan buat julung-julung kali, mencerminkan perkembangan berterusan pasaran bon Malaysia. Sebagai tanda keyakinan terhadap asas-asas ekonomi Malaysia, terbitan bernilai RM2.5 bilion tersebut menarik bidaan bernilai RM6.1 bilion, atau nisbah bida kepada lindungan (bid-to-cover ratio) pada sebanyak 2.44 kali. Dana turut diperoleh melalui terbitan baharu MGS 7 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3 tahun, 7.5 tahun dan 20 tahun dan Sukuk Perumahan Kerajaan 7 tahun, serta pembukaan semula MGS 5 tahun dan 10 tahun.

Kadar hasil bon meningkat sedikit

Kadar hasil MGS terus meningkat bagi sebahagian besar suku tersebut, mencerminkan terutamanya jangkaan pasaran tentang pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS. Trend ini sebahagiannya bertukar arah apabila Federal Reserve AS memutuskan untuk meneruskan

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

program pembelian asetnya pada bulan September. Secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 12, 15 dan 11 mata asas. Kadar hasil bon korporat penarafan yang lebih tinggi juga bergerak seiring dengan peningkatan kadar hasil MGS. Kadar hasil bagi bon korporat AAA dan AA 5 tahun masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 18 dan 12 mata asas pada suku itu. Kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS), terutamanya untuk tempoh kematangan yang lebih panjang, juga meningkat pada bulan Julai dan Ogos.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun


Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM214 bilion pada suku ketiga (S2 13: RM270 bilion). Penurunan urus niaga adalah menyeluruh, dengan segmen MGS, GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah sebanyak 0.45, 0.29 dan 0.08.

FBM KLCI menurun sedikit pada suku ketiga

Pada suku ketiga, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun sebanyak 4.9 mata kepada 1768.6 mata pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 1773.5 mata). Sentimen pasaran pada suku itu sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan tentang pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS, yang memberikan tekanan menurun pada terhadap ekuiti serantau, termasuk FBM KLCI. Sebahagian daripada tekanan reda pada bulan September apabila Federal Reserve AS membuat keputusan untuk meneruskan program pembelian asetnya. Secara keseluruhan, permodalan pasaran kekal pada RM1.61 trilion pada akhir bulan September 2013 (akhir bulan Jun 2013: RM1.60 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1.74 bilion unit (S2 13: 1.71 bilion unit) pada suku itu.


Pada 13 November 2013, FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,782.5 mata (sejak akhir bulan September 2013: 0.8%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.65 trilion (sejak akhir bulan September 2013: 2.6%).

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2013 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2012		2013		
	Pada akhir bulan				
	Sept	Dis	Mac	Jun	Sept
Indeks harga					
Komposit	1,636.7	1,689.0	1,671.6	1,773.5	1,768.6
FBMEMAS[1]	11,106.6	11,438.1	11,420.5	12,304.9	12,289.7
Pasaran ACE[2]	4,304.7	4,214.2	4,008.3	4,684.5	5,537.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,417.3	1,465.7	1,472.5	1,598.8	1,611.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	931	921	915	910	910
	Pada tempoh suku				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,197.8	1,053.6	1,070.6	1,714.8	1,739.8
Nilai (RM juta)	1,683.8	1,509.0	1,716.1	2,464.4	2,083.1

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2012				2013					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	73.1	102.7	65.3	93.6	62.1	99.5	108.0	150.3	109.4	131.2
Antaranya:										
Papan Utama	49.1	98.7	50.8	91.3	48.9	97.9	91.4	147.3	85.0	126.4
Antaranya										
Produk Pengguna	4.5	5.5	4.6	5.0	3.1	5.3	4.5	6.3	6.1	5.4
Produk Industri	10.0	8.9	10.6	8.5	8.7	7.0	19.6	13.3	13.6	10.3
Pembinaan	1.9	3.4	2.1	3.1	2.4	3.9	5.0	9.3	4.9	7.2
Dagangan/Khidmat	18.6	42.0	20.8	42.1	16.6	42.3	28.7	55.0	31.5	50.8
Kewangan	3.6	20.2	2.6	17.6	3.5	21.9	5.4	34.6	4.3	28.4
Harta Benda	4.1	5.0	3.7	3.6	5.1	5.7	11.5	13.8	8.6	9.4
Perladangan	1.8	7.8	1.1	4.7	1.2	4.8	1.2	4.9	1.4	4.4
Infrastruktur	0.9	3.1	1.1	3.9	1.2	4.1	1.6	5.1	1.7	4.9
Pasaran ACE[1]	18.5	3.3	10.0	1.8	10.5	1.3	13.7	2.4	21.2	4.4

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE


Sumber: Bursa Malaysia

Pasaran pertukaran asing tidak menentu pada suku ketiga

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau pada suku ketiga. Ringgit berserta kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan jangkaan pasaran untuk pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS. Ini telah mengakibatkan kebalikan aliran modal daripada kebanyakan pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, trend penyusutan nilai ini sebahagiannya bertukar arah daripada akhir bulan Ogos hingga pertengahan bulan September kerana keputusan Federal Reserve AS untuk mengekalkan program pembelian asetnya telah meningkatkan minat terhadap aset kewangan serantau.


Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Ringgit juga menyusut nilai berbanding paun sterling (7.8%), euro (5.6%) dan yen Jepun (3.3%), serta antara 1.7% dan 8.5% berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 14.6%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2013)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia


Antara 1 Oktober hingga 13 November, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.5%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (3.3%), yen Jepun (3.1%), dan euro (2.0%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 0.9% dan 2.2% pada tempoh tersebut.

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat dengan sederhana pada suku ketiga

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat sebanyak 4.3% pada suku ketiga (S2 2013: 18.5%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti swap pertukaran asing, yang meningkat hampir 8% berbanding dengan suku kedua berikutan peserta antara bank menggalakkan peningkatan aktiviti dagangan dan perlindungan nilai dalam persekitaran yang semakin tidak menentu. Aktiviti pembelian hadapan oleh bukan pemastautin juga meningkat, khususnya pada bulan Julai dan Ogos 2013, untuk melindungi nilai dedahan aset ringgit mereka susulan pengukuhan dolar AS berbanding dengan mata wang serantau.

Sementara itu, kos peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang menurun dengan ketara pada suku ketiga 2013, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun mengecil daripada 140 mata asas pada bulan Julai kepada 89 mata asas pada bulan September. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh keredaan kebimbangan terhadap kemungkinan pelonggaran kuantitatif dikurangkan oleh Federal Reserve susulan mesyuarat FOMC pada bulan September.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 12	S2 13	S3 13	21 Jul 05	S3 12	S2 13
Dolar AS	3.8000	3.0660	3.1785	3.2575	16.7	-5.9	-2.4
Euro	4.6212	3.9639	4.1535	4.3988	5.1	-9.9	-5.6
Paun sterling	6.6270	4.9829	4.8537	5.2666	25.8	-5.4	-7.8
100 yen Jepun	3.3745	3.9536	3.2160	3.3255	1.5	18.9	-3.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5018	2.5130	2.5912	-12.9	-3.4	-3.0
100 baht Thailand	9.0681	9.9481	10.197	10.378	-12.6	-4.1	-1.7
100 peso Filipina	6.8131	7.3402	7.3491	7.4825	-8.9	-1.9	-1.8
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0320	0.0320	0.0279	38.3	14.6	14.6
100 won Korea	0.3665	0.2754	0.2774	0.3031	20.9	-9.1	-8.5
Renminbi China	0.4591	0.4871	0.5172	0.5324	-13.8	-8.5	-2.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara


Sistem kewangan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang suku ketiga meskipun terdapat ketidaktentuan yang makin ketara dalam pasaran kewangan global dan dalam negeri. Aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil sepanjang suku ketiga. Pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan adalah lebih rendah pada 3.0% daripada jumlah pinjaman (S2 2013: 3.1%), manakala paras pinjaman terjejas bersih stabil pada 1.4% daripada pinjaman bersih (S2 2013: 1.4%). Dedahan risiko kredit dalam industri insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, menurun sedikit dan mencakupi 3.3% (S2 2013: 3.4%) daripada modal asas.

Pertumbuhan hutang isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank terpilih menjadi sederhana kepada 2.5% pada suku ketiga (S2 2013: 3.2%). Berbanding dengan suku ketiga tahun sebelumnya, pembiayaan kepada isi rumah juga meningkat pada kadar lebih sederhana pada 12.0% (S2 2013: 13.0%). Ini didorong oleh peningkatan yang sederhana pembiayaan peribadi (S3 2013: 2.2%, S2 2013: 4.3%) dan pinjaman untuk pembelian harta kediaman (S3 2013: 1.9%, S2 2013: 3.2%). Pada asas tahunan, peminjaman untuk pembiayaan peribadi dan pembelian harta kediaman meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu masing-masing sebanyak 13.1% dan 11.5% (S2 2013: 17.2% dan 12.8%). Perkembangan ini merupakan petunjuk awal kesan langkah kehematan makro yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada 5 Julai 2013. Pada masa ini, keupayaan membayar balik hutang keseluruhan bagi sektor isi rumah kekal tidak berubah pada paras agregat, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pinjaman terjejas bank dan pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan masing-masing stabil pada 1.3% dan 2.2% daripada jumlah pinjaman isi rumah. Walau bagaimanapun, paras pinjaman terjejas adalah berbeza merentas kumpulan pendapatan, dan peminjam dalam kategori pendapatan yang lebih rendah mencatat paras dan insiden pinjaman terjejas yang lebih tinggi. Ini sejajar dengan kedudukan leveraj yang lebih tinggi bagi individu berpendapatan lebih rendah. Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah kekal kukuh pada 2.2 kali hutang isi rumah, meskipun keteguhan penampan kewangan tidak sekata merentas paras pendapatan. Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah dijangka kekal tidak berubah dalam persekitaran amalan disiplin yang berterusan bagi standard pemberian pinjaman oleh institusi kewangan, keadaan guna tenaga yang bertambah baik dan pertumbuhan gaji yang mampan.

Pembiayaan kepada perniagaan berkembang meskipun pada kadar lebih perlahan sebanyak 0.9% pada suku ketiga (S2 2013: 3.2%). Pada asas tahunan, pembiayaan kepada perniagaan meningkat dengan sederhana pada 7.2% (S2 2013: 8.2%). Keupayaan membayar balik hutang oleh sektor perniagaan secara amnya kekal tidak berubah meskipun nisbah perlindungan faedah menurun (S2 3012: 5.0 kali, S1 2013: 6.4 kali) disebabkan oleh keuntungan operasi yang lebih rendah dalam beberapa industri. Pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan bertambah baik kepada 0.8% (S2 2013: 1.0%), manakala nisbah pinjaman terjejas untuk portfolio

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia


perniagaan adalah pada 3.1% (S2 2013: 3.0%). Penampan kewangan terkumpul oleh sektor perniagaan terus memberi sokongan terhadap cabaran yang mungkin timbul dalam persekitaran operasi, dengan aset kewangan mudah tunai terus stabil pada 1.8 kali obligasi kewangan semasa. Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah dan stabil pada 0.33% (S2 2013: 0.35%).

Dedahan risiko pasaran bagi institusi kewangan dibendung dengan baik meskipun pasaran kewangan semakin tidak menentu ekoran ketidakpastian dalam persekitaran global. Ketidaktentuan dalam pengantaraan aliran modal jangka pendek terus diurus dengan baik oleh sistem kewangan. Purata ketidaktentuan bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing meningkat kepada 17.8% dan 10.4% (S2 2013: 8% dan 9.3%). Aktiviti dagangan, seperti yang diukur oleh nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI, masing-masing menyusut kepada 11.9% dan 2.2% (S2 2013: 17.5% dan 2.6%). Spread bida-tawar untuk MGS dan FBM KLCI terus kecil, masing-masing berpurata pada 0.2% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S2 2013: 0.1% dan 0.4%). Dedahan bank kepada risiko kadar faedah menurun kepada 4.1% daripada jumlah modal (S2 2013: 4.4%), manakala dedahan kepada risiko ekuiti terus stabil pada 0.6% daripada jumlah modal (S2 2013: 0.6%). Sementara itu, kedudukan terbuka bersih mata wang asing sistem perbankan menurun kepada 6.1% daripada jumlah modal (S2 2013: 7.2%). Dedahan penanggung insurans kepada risiko kadar faedah dan ekuiti juga kekal stabil, masing-masing pada 2.5% dan 6.9% daripada jumlah modal asas (S2 2013: 2.8% dan 7.1%).

Sektor kewangan terus berdaya tahan


Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan, pada 12.1%, 13.0% dan 14.4%. Paras penampan modal bank yang melebihi paras minimum pengawalseliaan berjumlah lebih daripada RM76.5 bilion. Dari segi

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia


kualiti modal, lebih daripada 84% jumlah modal merangkum modal CET 1 berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal teguh pada 236.7% (S2 2013: 229.5%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM27.4 bilion.

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat sedikit kepada RM7.8 bilion (S2 2013: RM7.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan daripada aktiviti pembiayaan dan perolehan yang lebih tinggi daripada aktiviti dagangan dan pelaburan. Keuntungan terus stabil, dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 15.6% (S2 2013: 1.4% dan 15.1%). Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat keuntungan yang lebih rendah (sebelum penjanaan lebihan) sebanyak RM870.1 juta (S2 2013: keuntungan sebanyak RM4.6 bilion), disebabkan oleh

kerugian penilaian tidak direalisasi yang dicatat oleh penanggung insurans hayat besar disebabkan oleh ketidaktentuan yang semakin nyata dalam pasaran kewangan yang seterusnya memberikan kesan terhadap penilaian pelaburan penanggung insurans dalam MGS dan ekuiti. Penanggung insurans hayat merupakan salah satu peserta utama dalam pasaran sekuriti kerajaan dan pasaran ekuiti, dengan pelaburan masing-masing berjumlah RM24.8 bilion dan RM33 bilion. Walau bagaimanapun, kesan terhadap dana insurans hayat sebahagian besarnya telah diimbangi oleh penilaian yang lebih rendah bagi padanan liabiliti kontrak insurans hayat berdasarkan kadar hasil MGS yang lebih tinggi yang digunakan untuk mendiskaun liabiliti masa hadapan. Penanggung insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi lebih rendah sebanyak RM663.8 juta (S2 2013: RM772.0 juta), disebabkan oleh peningkatan pengalaman tuntutan keseluruhan yang sedikit.


Daya tahan sistem perbankan terus disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem. Penampan untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh satu minggu dan satu bulan masing-masing pada 14.6% dan 15.7% daripada jumlah deposit (S2 2013: 14.6% dan 15.6%). Penempatan bersih oleh bank dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan, berjumlah RM152.2 bilion (S2 2013: RM146.8 bilion). Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada satu bulan mencatat lebihan sebanyak RM2.9 bilion (S2 2013: lebihan sebanyak RM4.1 bilion) manakala kedudukan ketakpadanan dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu bertambah baik dan mencatat kurangan sebanyak RM2.9 bilion (S2 2013: kurangan sebanyak RM4.1 bilion).

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2012		2013		
	S2	S3	S1	S2	S3
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,115.7	5,244.8	3,789.7	4,617.1	870.1
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	703.0	688.5	738.7	772.0	663.8
Nisbah tuntutan (%)	59.2	59.1	58.3	57.9	58.8
	Perubahan tahunan				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	8.9%	298.8%	-3.2%	12.1%	-83.4%
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	26.2%	55.9%	13.2%	9.8%	-3.6%
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-2.2	-3.4	-2.3	-1.3	-0.3

Sumber: Bank Negara Malaysia

Simposium Antarabangsa AIF 2013
Kumpulan Tenaga Mahir Baharu
Sasana Kijang Kuala Lumpur, 28 Ogos 2013

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kedatangan anda semua ke Simposium Antarabangsa AIF mengenai Kumpulan Tenaga Mahir Baharu. Dalam membuat persediaan untuk masa hadapan yang pastinya jauh berbeza dengan persekitaran semasa, pembangunan dan pengurusan tenaga mahir perlu lebih dititikberatkan berbanding dengan masa yang lalu. Ini berdasarkan dua peralihan ketara yang sedang berlaku dalam persekitaran kita, yang terutamanya akan mempengaruhi permintaan dan bekalan modal insan. Pertama, transformasi pantas dan nyata terhadap landskap ekonomi, kewangan dan perniagaan yang akan terus memberi implikasi yang jauh lebih besar terhadap keperluan tenaga mahir. Kedua, perubahan pada ciri-ciri dan sifat tenaga mahir baharu yang memasuki alam pekerjaan sekarang. Perubahan yang timbul ini menuntut pendekatan baharu terhadap pembangunan dan pengurusan modal insan. Sekiranya kita tidak menyedari akan perubahan ini dan implikasinya, ia bukan sahaja boleh menjejaskan prestasi perniagaan bahkan pertumbuhan keseluruhan ekonomi sesebuah negara.

Ucapan saya pagi ini akan menyentuh secara ringkas perubahan penting yang telah mempengaruhi landskap kewangan dan ekonomi serta kesannya kepada keperluan tenaga mahir. Seterusnya, saya akan mengimbas kembali perubahan dalam sifat dan ciri-ciri tenaga mahir yang memasuki alam pekerjaan. Saya akan mengakhiri ucapan ini dengan menumpukan pada implikasi perkembangan ini terhadap pembangunan dan pengurusan tenaga mahir, khususnya bagi sektor kewangan. Cabaran untuk mendapatkan dan mengekalkan tenaga mahir yang sesuai terutamanya untuk sektor kewangan juga makin besar dalam persekitaran yang semakin kompetitif. Oleh itu, perlu ada tindakan segera berkaitan dengan langkah memberikan keutamaan yang lebih kepada agenda penting pengurusan dan pembangunan modal insan.

Transformasi Landskap Ekonomi dan Kewangan

Landskap ekonomi, kewangan dan perniagaan kini sedang melalui perubahan pesat dan akan terus berkembang. Globalisasi dan pengantarabangsaan yang turut dirangsang oleh liberalisasi dan kemajuan teknologi yang semakin meningkatkan kesalinghubungan antara negara dan pasaran kewangan merentas sempadan. Hasilnya, ekonomi dunia akan menjadi semakin bersepadu. Di Asia, integrasi serantau telah mewujudkan banyak peluang untuk penggunaan ekonomi mengikut bidangan dan pada masa yang sama merintis jalan bagi pasaran-pasaran baharu dan lebih besar. Trend ini telah menghasilkan aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau dan merentas sempadan yang lebih giat. Fenomena ini turut dialami oleh ekonomi sedang pesat membangun yang lain, yang menjadi pasaran pengguna yang cukup besar lantas meningkatkan kepentingan ekonomi sedang pesat membangun dalam ekonomi global. Perkembangan ini diperkuat oleh peralihan ke arah orientasi pasaran yang lebih aktif apabila pasaran yang dinyah kawal dan lebih liberal telah mewujudkan persekitaran yang lebih kompetitif. Kesannya, persekitaran operasi perniagaan menjadi lebih kompleks dengan ketakpastian yang makin ketara.

Peralihan struktur juga sedang berlaku pada peringkat kebangsaan dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun. Ini termasuk peralihan demografi yang telah mentransformasikan tenaga kerja. Struktur demografi menjadi komponen yang semakin besar, merangkumi segmen penduduk muda dan berpendapatan sederhana. Trend ini digambarkan oleh pengguna yang lebih memilih dan mempunyai kehendak yang lebih tinggi. Ini turut diperkukuh oleh jangka hayat penduduk yang lebih panjang. Tenaga kerja juga beransur-ansur dipengaruhi oleh proses perbandaran yang lebih giat, yang membentuk ciri penting dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun.

Landskap kewangan antarabangsa, serantau dan kebangsaan juga berubah dengan ketara. Pada peringkat antarabangsa, banyak pusat kewangan baharu akan muncul. Mata wang rizab antarabangsa baharu juga mungkin wujud berserta rangkaian institusi kewangan yang lebih besar dengan semakin banyak daripadanya berasal daripada ekonomi sedang pesat membangun dari pelbagai pelosok dunia. Trend ini akan mengukuhkan kesalinghubungan antara sistem kewangan, terutamanya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Perkembangan berterusan ini akan menyebabkan terjalinnya hubungan lebih erat antara pasaran kewangan dan disusuli kesan penularan lebih luas dan saling pergantungan yang lebih kuat. Sistem kewangan juga makin mudah dilanda krisis. Reformasi kewangan yang penting, yang dicetuskan oleh krisis kewangan global baru-baru ini juga telah mentransformasikan sistem kewangan antarabangsa.

Pada peringkat serantau, rantau Asia telah menjadi lebih padu apabila integrasi kewangan serantau dipertingkatkan untuk memastikan pembahagian sumber kewangan yang lebih cekap di rantau ini. Pada peringkat kebangsaan, orientasi pasaran yang nyata lebih pesat, liberalisasi, penerapan teknologi baharu yang lebih nyata serta pengantara dan pasaran yang lebih maju telah membentuk sistem kewangan yang lebih kompleks, canggih dan pelbagai. Seiring dengan pertambahan risiko yang dikaitkan dengan perubahan ini, transformasi rangka kerja pengawalseliaan juga sama pentingnya.

Peralihan struktur ini membentuk semula permintaan terhadap tenaga mahir. Kejayaan perniagaan dan keberkesanan Kerajaan dan pembuat dasar dalam persekitaran ini banyak bergantung pada terdapatnya tenaga mahir yang sesuai. Malah, tenaga mahir semakin disifatkan sebagai aset paling penting dalam sesebuah organisasi. Apabila pekerjaan menjadi lebih kompleks, tenaga mahir dengan kecekapan baharu dan kemahiran lebih tinggi, termasuk kemahiran teknikal dengan keupayaan digital, adalah diperlukan. Kemahiran berfikir secara lebih analitis dan kreatif juga perlu untuk menggalakkan inovasi, menyelesaikan masalah yang kompleks, mengendalikan kemungkinan wujudnya pelbagai senario yang berbeza, termasuk keupayaan untuk mengurus tukar ganti (trade-offs) yang pelbagai dengan cekap. Sejajar dengan perniagaan peringkat antarabangsa yang semakin berkembang, penting bagi tenaga mahir untuk menghadapi globalisasi – persekitaran bercirikan tenaga kerja lebih pelbagai dengan latar budaya, generasi dan perspektif yang berbeza. Kemahiran berkomunikasi, potensi untuk bekerjasama rapat dan pengurusan perhubungan yang kompleks merupakan kemahiran tambahan baharu yang diperlukan dalam persekitaran ini. Sama pentingnya ialah kemahiran kepimpinan baharu, termasuk kebolehan mengurus dengan cekap apabila berlakunya krisis. Hakikatnya, bekalan tenaga mahir dengan keupayaan baharu sebegini ini masih lagi berkurang.

Permintaan terhadap tenaga mahir sedemikian menjadi lebih mencabar ekoran perubahan pada ciri-ciri dan sifat tenaga mahir itu sendiri. Pertama, tenaga mahir kini cenderung untuk berpindah dalam industri, antara industri dan merentas sempadan. Organisasi kini tidak boleh lagi berharap agar pekerja mereka kekal bekerja sehingga usia persaraan. Potensi untuk mengekalkan tenaga mahir lebih

mencabar kerana motivasi pekerja kini amat bebeza. Antara faktor yang dititikberatkan oleh generasi baharu ialah pekerjaan yang menarik, mencabar dan memenuhi kehendak mereka. Mereka lebih tertarik kepada pekerjaan yang membuka peluang berinteraksi dengan lebih rapat dengan pengurusan kanan, pemberian lebih kuasa dan pendedahan serta potensi pembangunan kerjaya yang lebih cerah. Jika sesebuah organisasi tidak peka kepada motivasi generasi tenaga mahir baharu mereka, ia bukan sahaja akan menimbulkan cabaran besar kepada pihak pengurusan modal insan bahkan dijangka boleh menjejaskan keharmonian dan kesepaduan organisasi, seterusnya prestasi organisasi secara keseluruhan.

Tenaga mahir dalam sektor kewangan

Izinkan saya mengupas sedikit beberapa cabaran tertentu tenaga mahir dalam sektor kewangan. Perubahan struktur yang sedang berlaku dalam sistem kewangan dan krisis kewangan global baru-baru ini telah dan terus mendorong perubahan ketara dalam industri kewangan. Institusi kewangan sedang berdepan dengan pengawalan yang lebih ketat, ketidakpastian yang lebih nyata dalam persekitaran operasi, keadaan persaingan yang tidak sama dan reputasi yang agak buruk di banyak negara di dunia. Perkembangan ini mempunyai implikasi penting terhadap tenaga kerja perkhidmatan kewangan. Tahap kecekapan profesional yang dituntut daripada tenaga mahir dalam industri kini jauh lebih tinggi dan telah berubah dari sudut penekanannya. Tekanan politik dan pengawalseliaan yang baharu juga telah secara langsung memberi tekanan kepada strategi pengurusan tenaga mahir. Contohnya, pada reformasi sistem saraan dan pemantauan kawal selia yang lebih ketat terhadap barisan pengurusan kanan yang baharu. Tumpuan juga semakin banyak dijuruskan kepada peranan tenaga mahir dalam usaha meraih semula keyakinan dalam sektor kewangan, dari segi piawaian etika dan nilai yang didukung oleh tenaga kerja dalam industri ini serta kekukuhan dan integriti kepimpinannya.

Sejak dahulu hingga kini, sektor kewangan telah dan masih merupakan sektor yang secara relatif sangat produktif. Di Malaysia, sektor kewangan telah mencatat peningkatan produktiviti faktor menyeluruh yang tertinggi berbanding sektor ekonomi yang lain dalam dekad kebelakangan ini. Pekerjaan dalam sektor kewangan juga bertambah setiap tahun dengan sebahagian besar daripada pertambahan ini adalah dalam segmen kemahiran tinggi. Ini menjelaskan mengapa paras gaji purata sektor kewangan lebih tinggi, iaitu kira-kira RM36,000 setahun berbanding dengan pendapatan purata seluruh ekonomi sebanyak RM21,700 setahun. Pekerja perkhidmatan kewangan pada amnya mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan semakin banyak institusi memerlukan kelayakan pascasiswazah atau kelayakan profesional di samping pengalaman bekerja yang berkaitan, bagi jawatan penting dan kanan. Dengan persekitaran masa hadapan yang lebih mencabar, usaha untuk mewujudkan bekalan tenaga mahir dan menangani kekurangan bekalan tenaga kerja kritikal dengan kemahiran baharu, perlu diberi keutamaan segera.

Perhatian yang lebih besar telah diberikan kepada kekurangan dalam kecekapan teknikal baharu dan kecekapan teknikal yang lebih tinggi – khususnya dalam bidang penilaian dan pengurusan risiko, yang diperlukan dalam persekitaran operasi baharu ini. Pertumbuhan kewangan Islam turut memberikan dimensi baharu yang penting kepada keperluan tenaga mahir. Selain jurang yang nyata ini, model perniagaan yang mampan dalam kewangan akan memerlukan kemahiran tambahan yang baharu, yang secara tradisinya bukan bidang tumpuan institusi kewangan. Ini termasuklah kemahiran dalam mengurus perubahan dan krisis, perancangan pemulihan perniagaan, kebolehan membangunkan dan mengekalkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan, serta kemahiran untuk menentukan hala tuju dan mengurus operasi dalam konteks antarabangsa dan merentas budaya. Sama pentingnya ialah kebolehan membina, menggalakkan dan memimpin pasukan yang

mantap dalam persekitaran yang nyata lebih mencabar ini.

Barangkali melebihi keperluan mana-mana sektor lain, tindak balas kepada cabaran yang dihadapi oleh industri kewangan dalam menguruskan tenaga mahir harus bersifat lebih meluas, berfokus masa hadapan dan lebih strategik memandangkan industri kewangan memainkan peranan utama dalam ekonomi. Meskipun dalam negara yang tidak merancang mengadakan peraturan berkaitan saraan, institusi kewangan perlu mengambil kira jangkaan lebih tinggi terhadap sistem saraan dan insentif supaya lebih sejajar dengan pengambilan risiko berhemat. Strategi tenaga mahir juga perlu menjadikan asas etika organisasi lebih teguh dan bertahan lama sambil membangunkan ketangkasan individu dan organisasi untuk menangani tekanan perubahan luaran, termasuk perubahan yang disebabkan oleh kitaran ekonomi dan kewangan. Terdapat juga penekanan yang lebih besar terhadap keberkesanan kepimpinan dan perancangan penggantian pekerja untuk mengekalkan nilai dan keyakinan jangka panjang dalam institusi kewangan pada masa akan datang.

Isu yang sedang kita hadapi sekarang ialah bagaimana tenaga mahir boleh mempersiapkan diri dalam persekitaran baharu ini? Dan bagaimanakah generasi tenaga mahir yang bersifat dan berciri baharu ini boleh diuruskan dengan berkesan untuk menyumbangkan hasil terbaik buat organisasi. Universiti yang terbaik, khususnya institusi pengajian perniagaan di seluruh dunia, kini telah dipersoalkan mengenai keupayaan mereka melahirkan tenaga mahir yang sesuai, yang kini diperlukan oleh organisasi dalam persekitaran yang berubah-ubah ini.

Kajian semula yang dijalankan bukan sahaja terhadap kurikulum untuk mencerminkan tuntutan baharu daripada organisasi malah juga terhadap keseimbangan antara pendidikan berasaskan teori dengan pendidikan yang benar-benar melahirkan pengamal berprestasi tinggi. Ini bukan sahaja meliputi pembangunan kemahiran dan kebolehan baharu tetapi juga aspek nilai dan sikap. Antara kesimpulan dalam kajian semula ini ialah para graduan harus mempunyai kefahaman yang lebih mendalam mengenai globalisasi agar mereka mempunyai perspektif sejagat. Sama pentingnya ialah kefahaman mengenai persekitaran luaran perniagaan yang bukan sahaja termasuk perkembangan antarabangsa bahkan trend dalam perkembangan undang-undang, sosial, politik dan persekitaran, agar graduan mempunyai set minda yang fleksibel dan berupaya menyesuaikan keadaan mereka dalam konteks yang betul.

Dengan perkembangan dan perspektif sedia ada yang amat pelbagai, kemahiran berfikir memerlukan kebolehan berfikir secara sepadu. Ini melibatkan kebolehan untuk mengenal pasti secara yang berkesan isu yang memerlukan penyelesaian atau keputusan. Sering kali ini termasuk keperluan untuk mengambil kira pelbagai perspektif, yang ada antaranya saling bercanggah, supaya pertimbangan dan rumusan boleh diseimbangkan.

Bagi ekonomi sedang pesat membangun seperti Malaysia, usaha melahirkan tenaga mahir yang berkebolehan seperti ini diperlukan dengan segera untuk persekitaran semasa dan akan datang. Meskipun pelaburan dalam reformasi pendidikan dan pelaburan dalam modal insan menerusi proses pendidikan adalah penting, ia memerlukan masa untuk kita mencapai hasilnya. Oleh itu, bagaimanakah siswazah dibentuk dalam masa peralihan ini? Bagaimanakah tenaga kerja yang sedia ada diperkukuh untuk memenuhi permintaan baharu daripada sektor perniagaan dalam persekitaran yang telah berubah ini. Ini semua memerlukan pembangunan keupayaan yang berterusan pada setiap peringkat kitaran kerjaya, iaitu daripada peringkat awal bekerja hinggalah peringkat pengurusan kanan dan kepimpinan. Persekitaran yang sangat dinamik ini memerlukan penentuan keutamaan dan sumber yang wajar untuk mencapai agenda ini.

Kumpulan tenaga mahir baharu, kemasukan generasi baharu tenaga mahir dengan sifat dan

ciri yang berbeza turut membawa bersamanya cabaran baharu kepada pengurusan modal insan. Ini memerlukan transformasi dalam strategi sumber manusia. Memandangkan modal insan telah menjadi faktor utama dalam aspek pencapaian hasil, maka bukan sahaja pelaburan dalam tenaga mahir menjadi perkara utama, malah pengurusannya juga.

Oleh itu, pengurusan modal insan harus diberikan keutamaan yang paling tinggi, khususnya oleh institusi kewangan yang berhadapan dengan permintaan dan kehendak yang tinggi. Pendekatan dan strategi baharu pengurusan modal insan perlu seiring dengan objektif strategik sesebuah organisasi. Pembinaan kapasiti kumpulan pengurusan modal insan itu sendiri juga merupakan bahagian penting dalam aspek ini. Interaksi dan hubungan yang erat antara barisan kepimpinan dengan kumpulan pengurusan modal insan juga perlu diwujudkan. Ini bagi memastikan terdapat kesedaran yang tinggi mengenai bagaimana kuasa perubahan dan persekitaran baharu sedang membentuk semula permintaan dan bekalan tenaga mahir serta bagaimana tenaga mahir yang sedia ada perlu ditransformasikan untuk memenuhi objektif organisasi dalam persekitaran yang sangat dinamik.

Pengurusan modal insan kini bukan hanya mengenai soal kecekapan penyampaian perkhidmatan sokongan, malah juga mengenai pengurusan tenaga mahir dalam organisasi yang akan mengukuhkan dan meningkatkan prestasinya. Pengurusan modal insan juga perlu disokong dengan baik oleh sistem maklumat bersepadu yang akan membolehkan analisis terperinci yang merupakan asas penting dalam membuat keputusan. Akhir sekali, pembaharuan modal insan perlu disosialisasikan secara berterusan untuk memastikan pembaharuan yang mencabar dan perubahan dalam organisasi dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, saya ingin menyatakan bahawa sambil kita mara ke hadapan, landskap ekonomi dan kewangan dijangka didefinisikan semula secara berterusan. Jika kita mahu berada di barisan hadapan dan dalam kedudukan yang baik untuk menghadapi cabaran baharu, keutamaan yang tinggi seharusnya diberikan kepada pembangunan dan pengurusan tenaga mahir. Pendidikan dan pembinaan kapasiti untuk menjana tenaga mahir baharu dengan kemahiran, set minda dan nilai yang sesuai hanyalah sebahagian daripada penyelesaiannya. Strategi dan pendekatan baharu untuk pengurusan modal insan yang berkesan juga merupakan bahagian penting dalam keadaan ini.

Kebanyakan daripada isu ini akan dibincangkan dalam simposium ini. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua penceramah, khasnya mereka yang datang dari jauh, atas sumbangan mereka kepada simposium ini. Saya percaya simposium ini akan menjadi forum yang interaktif dan produktif serta akan mencapai matlamatnya.

Forum Dasar Global AFI ke-5
Kuala Lumpur, 11 September 2013

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati menyambut kehadiran Baginda Permaisuri Maxima. Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Baginda Permaisuri kerana berkenan untuk menyerikan majlis ini. Baginda Permaisuri Maxima, sebagai penyokong utama pembangunan rangkuman kewangan telah memainkan peranan yang penting untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa kepada agenda yang penting ini. Baginda Permaisuri juga menjadi inspirasi kepada kita untuk meneruskan usaha ini bagi mencapai aspirasi rangkuman kewangan yang lebih menyeluruh. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran panel pembentang, tetamu dan semua peserta dari negara anggota Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) pada Forum Dasar Global AFI ke-5 di Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia berasa amat bangga kerana berpeluang untuk menganjurkan Forum Dasar Global ini bersama-sama dengan AFI.

Kita bersidang ketika keadaan ekonomi dan kewangan global adalah amat mencabar. Walaupun kini terdapat beberapa tanda yang positif, prospek pertumbuhan global masih tidak menentu. Walaupun langkah-langkah dasar yang tidak konvensional dan tidak pernah dilaksanakan sebelum ini diperkenalkan oleh sebilangan negara maju telah mencapai sedikit kejayaan dalam memperbaiki keadaan ekonomi mereka, namun implikasi terhadap ekonomi global adalah ketara, khususnya ekonomi sedang pesat membangun. Malahan, kesannya boleh menjadi lebih ketara apabila pemansuhan langkah-langkah ini dilaksanakan kelak.

Oleh itu, ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi membangun perlu mengukuhkan asas-asas ekonomi dan kewangan negara masing-masing, mengurangkan risiko dan kelemahan serta merangsang pertumbuhan yang seimbang dan inklusif.

Perkembangan sejak krisis kewangan global juga telah mengubah pandangan kita terhadap perkembangan dunia dari beberapa aspek asas yang lain. Pembaharuan global dalam sistem kewangan sedang membentuk semula landskap pengawalseliaan. Kerangka yang menentukan aktiviti pengantaraan kewangan yang menghubungkan sistem kewangan dengan bahagian lain dalam ekonomi dan di dunia turut dibentuk semula. Dalam persekitaran ini, penglibatan ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi membangun diperlukan bagi memastikan implikasi yang tidak diingini terhadap sistem kewangan dan seterusnya terhadap ekonomi dapat dikurangkan.

Oleh itu, dalam persekitaran ini, perkara yang perlu diberikan keutamaan ialah mempertingkat perlindungan bagi beberapa segmen masyarakat, khususnya perniagaan kecil dan isi rumah daripada dipinggirkan oleh kuasa pasaran, serta daripada kesan ketidakselarasan yang disebabkan oleh ketidakstabilan, krisis dan pembaharuan. Selain itu, kewangan berteraskan tanggungjawab sosial (socially responsible finance) juga perlu diperkukuh di samping memastikan bahawa sistem kewangan menyokong ekonomi benar serta menangani risiko baharu dan yang semakin meningkat

iaitu masyarakat terpinggir daripada rangkuman kewangan (financial exclusion). Keadaan ini boleh menyebabkan masyarakat kita tercicir khususnya, walaupun bukan ketika tempoh krisis kewangan sahaja.

Dalam persekitaran ini, rangkuman kewangan telah menjadi lebih menyerlah sebagai keutamaan penting untuk agenda pembaharuan dan pembangunan.

Tema Forum AFI pada tahun ini, **"Memacu Dasar Ke Arah Impak yang Optimum"**, telah menggariskan keperluan bagi kita untuk memahami dengan lebih mendalam tentang hubungan antara objektif dengan kesan rangkuman kewangan, kestabilan dan integriti kewangan, serta dasar perlindungan pengguna. Keperluan ini telah menjadi lebih nyata berikutan perkembangan global mutakhir ini. Piawaian kehematan global telah diberikan penambahbaikan yang ketara dan semakin diterima pakai oleh institusi-institusi kewangan di negara-negara membangun. Ini telah meningkatkan cabaran praktikal untuk melaksanakan piawaian ini dalam kerangka sosioekonomi yang mempunyai matlamat untuk menggalakkan rangkuman kewangan. Perkara yang sama juga berlaku apabila adanya piawaian yang lebih kukuh untuk memerangi pengubahan wang haram bagi melindungi integriti sistem kewangan. Untuk membangunkan sistem kewangan yang berdaya tahan bagi menghadapi krisis dan tekanan, kita tidak boleh mengabaikan kesan sosioekonomi hasil daripada dasar-dasar yang dilaksanakan. Usaha kita untuk membangunkan sistem kewangan yang lebih kukuh dan stabil juga akan mengukuhkan hubungan antara kewangan dengan pembangunan dan bukan melemahkannya.

Pengawalseliaan perlindungan pengguna juga sedang diperkukuh dengan nyata di kebanyakan negara berikutan krisis kewangan global. Ini didorong sebahagian besarnya oleh kesedaran bahawa rangka kerja perlindungan pengguna yang berkesan bukan sahaja penting untuk melindungi individu daripada risiko yang berlebihan, bahkan ia juga mempunyai peranan untuk melindungi sistem kewangan daripada risiko sistemik. Walaupun rangka kerja ini memberikan limpahan yang positif kepada rangkuman kewangan, lebih banyak yang boleh dan perlu dilakukan untuk memastikan bahawa dasar perlindungan pengguna dirangka untuk memberikan perlindungan yang wajar kepada golongan yang mudah terjejas, serta memastikan inovasi kewangan dilaksanakan secara bertanggungjawab.

Bagi menangani isu ini, kita berasa sukacita kerana Forum pada tahun ini turut disertai oleh badan penetapan piawaian global bersama-sama anggota AFI. Kita mempunyai kepentingan bersama dalam usaha mengurangkan halangan kepada rangkuman kewangan dan bagi mewujudkan kesan positif yang lebih ketara daripada langkah-langkah dasar terhadap rangkuman kewangan. Sebagai satu titik permulaan yang penting, piawaian global perlu mencerminkan perspektif rangkuman kewangan. Badan-badan penetapan piawaian telah menyatakan bahawa perkara ini disokong oleh konsep keselarasan (proportionality) yang menjadi asas piawaian global. Yang paling penting ialah bagaimana perkara ini akan dapat dilaksanakan. Melalui perkongsian pengalaman anggota AFI yang hadir pada Forum ini, diharapkan usaha untuk meningkatkan pemahaman bersama tentang konsep "keselarasan dalam amalan" dapat dimulakan. Ini penting bukan sahaja untuk menyokong agenda rangkuman kewangan, tetapi juga untuk mencapai hasil daripada kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna yang disasarkan oleh piawaian global. Ini juga akan menggalakkan piawaian global tersebut diterima pakai dengan lebih meluas.

Peningkatan risiko terpinggir daripada rangkuman kewangan

Rangkuman kewangan kini bukan sahaja telah berkembang merangkumi akses kepada perkhidmatan kewangan tetapi meliputi persoalan sama ada perkhidmatan kewangan itu bersesuaian dengan keadaan individu supaya perkhidmatan tersebut digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan

kesejahteraan individu. Di samping itu, perhatian perlu diberikan kepada golongan mudah terjejas yang mungkin menghadapi peningkatan risiko terpinggir daripada rangkuman kewangan. Ini adalah penting terutamanya dalam persekitaran kewangan dan sosial yang pesat berubah. Kaedah pemprofilan risiko yang canggih oleh institusi kewangan boleh membuatkan individu dan perniagaan kecil lebih sukar untuk layak memperoleh perkhidmatan kewangan yang diperlukan. Amalan pemasaran yang agresif oleh institusi kewangan dan produk-produk kewangan yang lebih kompleks juga boleh mengakibatkan keputusan kewangan yang tidak wajar.

Kaedah perkhidmatan kewangan disampaikan kepada pengguna juga sedang berubah ke arah penggunaan saluran yang lebih cekap dari segi kos, yang mengurangkan keperluan untuk bertemu secara bersemuka, melainkan untuk pelanggan yang mempunyai aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi. Sebahagian besar daripada pertanyaan dan aduan dikendalikan melalui telefon atau e-mel, dan kebiasaannya secara berasingan oleh bahagian yang berlainan di sesebuah institusi kewangan. Ini bererti sokongan khidmat nasihat kepada golongan pengguna kewangan yang mudah terjejas boleh menjadi kurang berkesan. Meskipun penggunaan saluran elektronik secara meluas berpotensi besar untuk meningkatkan rangkuman kewangan, namun apa yang diperlukan ialah memastikan akses kepada teknologi yang berkaitan untuk mengelak daripada menggunakan saluran alternatif yang secara relatif akan menjadi lebih mahal. Keseimbangan yang wajar perlu dicapai untuk menghasilkan penyelesaian yang membolehkan sistem kewangan berkembang dan berinovasi bagi menyokong ekonomi, tanpa melebarkan jurang dalam ekonomi.

Peranan institusi kewangan bukan bank

Di kebanyakan negara, institusi kewangan bukan bank dijangka memainkan peranan yang lebih besar untuk meningkatkan rangkuman kewangan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan. Sejak sekian lama, terutamanya selepas krisis kewangan global, pengawalseliaan yang lebih ketat dan kekangan dalam lembaran imbangan sektor perbankan juga telah menyebabkan perkembangan pesat dalam urus niaga kredit sektor bukan bank. Walau bagaimanapun, sebahagian besar perkembangan ini tidak diurus dengan baik, lantas menyebabkan meningkatnya kebimbangan terhadap kadar terlebih berhutang di banyak negara di seluruh dunia. Salah satu tindak balas adalah untuk mengukuhkan pengawalseliaan terhadap institusi-institusi tersebut serta mengurangkan percanggahan dalam piawaian kehematan dan amalan yang diterima pakai antara bank dengan bukan bank. Selain itu, tindak balas lain adalah dengan mendapatkan maklumat yang lebih baik tentang kegiatan-kegiatan bukan bank untuk dijadikan asas bagi langkah-langkah dasar yang lebih bermatlamat.

Persoalan tentang bagaimana untuk mengembangkan peranan institusi kewangan bukan bank supaya terus menyumbang dengan mampan kepada rangkuman kewangan merupakan suatu yang kompleks. Meskipun kita bersetuju dengan justifikasi pendekatan yang berbeza dalam pengawalseliaan yang telah diterima pakai oleh bank, ini tidak boleh dilakukan dengan mengetepikan perlindungan pengguna kewangan serta risiko kepada kestabilan kewangan. Jalan tengah yang diperlukan adalah dengan mengambil kira konteks yang khusus untuk setiap negara itu sendiri.

Peranan pendidikan kewangan

Satu lagi strategi yang penting untuk rangkuman kewangan ialah mempertingkat peranan pendidikan kewangan. Ini bukan sahaja untuk menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam arus perdana sistem kewangan, tetapi juga untuk memastikan mereka yang berada dalam arus perdana sistem kewangan tidak terpinggir daripada rangkuman kewangan pada masa akan datang akibat perubahan dalam landskap kewangan. Dalam satu laporan oleh OECD baru-baru ini,

kekurangan kesedaran mengenai pelbagai jenis produk kewangan, tahap keyakinan yang rendah serta pengetahuan yang cetek tentang fungsi produk-produk telah dikenal pasti sebagai halangan kepada rangkuman kewangan. Faktor-faktor ini akan menjadi lebih ketara dalam sistem kewangan yang lebih kompleks dan dipacu teknologi. Pendidikan kewangan yang berkesan bagaimanapun memerlukan pendekatan yang lebih inovatif serta perkongsian yang lebih luas yang melibatkan Kerajaan, pendidik,dan pertubuhan bukan kerajaan untuk bekerjasama dengan pengawal selia dan industri kewangan. Rangkaian AFI menyediakan platform yang penting untuk meneliti isu ini serta pelbagai isu lain.

Penutup

Melalui platform AFI, kita mempunyai peluang yang unik untuk bekerjasama bagi meningkatkan taraf hidup melalui rangkuman kewangan dan memberikan impak yang berterusan kepada isu dan perkembangan global. Sehubungan dengan itu, hasil yang khusus daripada Forum ini ialah komitmen daripada anggota AFI untuk memeterai Perjanjian (Accord). Perjanjian ini berteraskan *Maya Declaration* pada tahun 2009 untuk meneruskan komitmen anggota AFI untuk membawa agenda rangkuman kewangan selangkah lagi ke hadapan bagi mencapai wawasan sistem kewangan yang benar-benar inklusif.

Saya akan mengakhiri ucapan ini dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga bagi pihak Bank Negara Malaysia kepada Baginda Permaisuri Maxima yang sudi hadir untuk menyerikan majlis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada panel pembentang dan pakar-pakar yang telah datang dari serata pelosok dunia untuk berkongsi pandangan mereka yang amat berharga dengan kita. Kepada semua peserta, saya berharap acara ini akan menjadi suatu kenangan abadi dan akan menjana pengetahuan dan idea-idea yang baharu untuk merangsang perjalanan negara masing-masing ke arah rangkuman kewangan yang lebih luas.

KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2013

1 Julai 2013

Bank Negara Malaysia mengumumkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) baharu, yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013. Undang-undang ini memberi Bank Negara Malaysia kuasa pengawasan pengawalan dan penyeliaan yang perlu untuk mencapai mandatnya yang luas dalam persekitaran yang lebih kompleks dan saling berhubung memandangkan perkembangan kewangan yang bersifat serantau dan antarabangsa. FSA dan IFSA menggabungkan beberapa undang-undang yang berasingan untuk mengawal selia sektor kewangan di bawah rangka kerja perundangan tunggal masing-masing untuk sektor kewangan konvensional dan Islam. Undang-undang yang berasingan ini terdiri daripada Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang dimansuhkan pada tarikh yang sama. FSA dan IFSA ini akan meletakkan sektor kewangan Malaysia pada platform untuk terus maju ke hadapan sebagai satu sistem kewangan yang kukuh, bertanggungjawab dan progresif.

2 Julai 2013

Dalam usaha menyokong agenda nasional “Going Green”, Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan wang kertas denominasi RM1 dan RM5 yang sesuai untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri. Inisiatif ini merupakan usaha yang membabitkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Malaysian Environmental NGOs dan Yayasan Anak Warisan Alam untuk menggalakkan kelestarian sumber negara dan pemuliharaan alam sekitar.

5 Julai 2013

Bank mengumumkan satu set langkah yang bertujuan untuk mengelak hutang isi rumah yang berlebihan dan memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh penyedia kredit utama. Langkah-langkah ini, yang berkuat kuasa serta-merta, ialah tempoh pinjaman maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi; tempoh pinjaman maksimum selama 35 tahun untuk pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman; serta larangan menawarkan produk pembiayaan peribadi yang diluluskan terlebih dahulu. Penyedia kredit yang utama juga dikehendaki mematuhi nisbah khidmat bayaran hutang yang berhemat dalam penilaian kredit mereka.

Bagi meningkatkan pengurusan hutang yang bertanggungjawab oleh isi rumah, Bank akan mempergiat usahanya untuk menyediakan pendidikan kewangan kepada semua segmen masyarakat. Di samping itu, rangka kerja perlindungan pengguna akan terus diperkukuh di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam.

11 Julai 2013

Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3% pada mesyuarat keempat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) tahun ini. Dalam penilaian MPC, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan yang sederhana dan permintaan dalam negeri terus menyokong ekonomi Malaysia.

Pada mesyuarat seterusnya pada 5 September, MPC mengekalkan OPR pada kadar yang sama. Dalam penilaian MPC, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan yang sederhana disebabkan kekukuhan pemulihan dalam ekonomi maju yang utama masih belum lagi mencapai momentum. Bagi ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan. Berdasarkan penilaian MPC, terdapat ketidakpastian yang meningkat kepada imbangan risiko dalam prospek pertumbuhan domestik dan inflasi. MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global dan dalam negeri serta implikasinya terhadap keseluruhan prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

30 Julai 2013

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dan berkongsi maklumat dalam bidang-bidang kepentingan bersama bagi pelaksanaan mandat masing-masing yang berkesan. MoU ini meliputi perumusan undang-undang dan dasar, inisiatif rangkuman kewangan, bina kapasiti dan kerjasama teknikal serta pengaturan kerjasama untuk kestabilan kewangan. MoU ini juga menggariskan rangka kerja operasi dan penilaian yang akan digunakan oleh Bank dan Suruhanjaya apabila mempertimbangkan permohonan daripada syarikat koperasi untuk menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai, selain ahli koperasi sendiri.

1 Ogos 2013

Perdana Menteri Malaysia memperkenalkan pasaran kewangan Islam Malaysia kepada dunia dan beridentitikan jenama ikonik baharu MIFC - **"Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia"**, yang menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia. Perdana Menteri turut mengambil peluang menyampaikan undangan terbuka kepada komuniti kewangan global untuk bekerjasama dan saling mengambil manfaat daripada pasaran kewangan Islam Malaysia yang menawarkan rangka kerja pengawalan, penyeliaan, Syariah dan undang-undang yang komprehensif.

21 Ogos 2013

Dalam sidang akhbar KDNK Suku Kedua 2013, Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar tahunan 4.3%. Meskipun permintaan dalam negeri terus kukuh, eksport mencatat penurunan lebih besar berikutan prestasi yang lembab bagi kebanyakan produk eksport. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Bank turut melaporkan data berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), dengan ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 1.4% (S1 2013: -0.4%). Sementara itu, kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 1.8% pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan alkohol dan perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain.

28 Ogos 2013

Dalam ucapan beliau di Simposium Antarabangsa Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance) 2013, bertajuk "Landskap Baharu Tenaga Mahir", Gabenor menekankan bahawa pembangunan dan pengurusan tenaga mahir perlu diberi keutamaan tinggi dalam membuat persediaan untuk masa hadapan yang pastinya jauh berbeza berbanding dengan persekitaran semasa. Dua peralihan ketara dalam persekitaran ialah transformasi yang nyata terhadap landskap ekonomi, kewangan dan perniagaan serta perubahan pada ciri-ciri dan sifat tenaga mahir.

Peralihan ini membentuk semula permintaan terhadap tenaga mahir yang merupakan aset paling penting dalam mana-mana organisasi, termasuk sektor kewangan. Strategi dan pendekatan baharu untuk pengurusan modal insan yang berkesan adalah penting. Gabenor juga menyatakan bahawa usaha untuk menangani kekurangan bekalan tenaga kerja kritikal, khususnya dalam bidang penilaian dan pengurusan risiko dalam persekitaran operasi baharu dan juga kewangan Islam, perlu diberi keutamaan segera.

Pada hari yang sama, Bank dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) mengadakan mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu ekonomi dan kewangan dan bagi mempertimbangkan inisiatif yang dapat membantu menggalakkan perkembangan pasaran kewangan di Malaysia dan Hong Kong. Susulan perbincangan ini, Bank dan HKMA bersetuju untuk terus mengukuhkan lagi kerjasama melalui pengaturan kolaboratif bagi mempererat hubungan perdagangan dan pelaburan. Usaha sama ini termasuk, antara lain, perkembangan perniagaan renminbi luar pesisir dan pengantarabangsaan kewangan Islam.

30 Ogos 2013

Bank dan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) menandatangani Surat Kerjasama untuk merumuskan satu rangka kerja usaha sama bagi pembinaan kapasiti khusus untuk penggubal dasar dan pengawal selia di seluruh dunia. Di bawah inisiatif ini, Bank dan AFI akan bersama-sama merumuskan dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berstruktur dalam bidang dasar yang berkenaan bagi mempergiat usaha-usaha untuk memperkukuh rangkuman kewangan melalui 108 institusi anggota rangkaian AFI.

31 Ogos 2013

Bank mengeluarkan Duit Syiling Peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Muzium Negara yang ke-50. Duit syiling dikeluarkan sebagai Emas Pruf, Perak Pruf dan Emas Nordic masing-masing dengan nilai muka sebanyak RM100, RM10 dan RM1.

6 September 2013

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengumumkan penubuhan Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA), sebuah badan jaminan kualiti dan akreditasi antarabangsa yang bebas untuk industri perkhidmatan kewangan. FAA, yang memulakan operasinya pada bulan Ogos 2012, menyediakan penilaian program pembelajaran, akreditasi, dan audit keinstitusian yang akan menyumbang ke arah pembangunan jaminan kualiti dan penggalakan inisiatif pembelajaran dalam industri perkhidmatan kewangan. Selain itu, FAA akan berusaha meningkatkan kerjasama dan penggabungan untuk pengiktirafan secara bersama dan global, dengan badan-badan dan persatuan profesional tempatan dan antarabangsa, badan akreditasi, dan institusi pendidikan tinggi.

12 September 2013

Bank Negara Malaysia dengan Alliance for Financial Inclusion (AFI) menganjurkan secara bersama Forum Dasar Global Tahunan ke-5 (Global Policy Forum, GPF) yang bertemakan "Memacu Dasar ke Arah Impak yang Optimum". Forum ini dihadiri lebih daripada 400 orang peserta dari 80 buah negara untuk berbincang dan mempertimbangkan strategi dasar optimum dalam pelbagai konteks melalui sinergi matlamat rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna.

Dalam ucapan alu-aluannya, Gabenor Dr. Zeti merakamkan penghargaan kepada Baginda Permaisuri Máxima dan negara Belanda kerana membawa agenda penting rangkuman kewangan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa.

Gabenor Dr Zeti juga, antara lain, menyatakan bahawa pembaharuan global dalam sistem kewangan, sedang membentuk semula landskap pengawalseliaan. Oleh itu, dalam persekitaran ini, perkara yang perlu diberi keutamaan ialah mempertingkat perlindungan bagi beberapa segmen masyarakat, khususnya perniagaan kecil dan isi rumah, daripada dipinggirkan oleh kuasa pasaran, dan daripada kesan ketidakselarasan yang disebabkan ketidakstabilan, krisis dan pembaharuan. Beliau juga menekankan peranan institusi kewangan bukan bank dan pendidikan kewangan yang berkesan untuk menyumbang dengan mampan kepada rangkuman kewangan.

Forum Dasar Global ini berakhir dengan pengisytiharan Sasana Accord yang mengukuhkan lagi komitmen Rangkaian AFI terhadap Maya Declaration, dengan melaksanakan penilaian sistematik terhadap impaknya bagi memastikan matlamat rangkuman kewangan dinilai dan diukur secara kuantitatif.

16 September 2013

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Malaysia Ke-50. Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun bagi memperingati penubuhan persekutuan Malaysia yang terdiri daripada 11 buah negeri di Tanah Melayu dan dua buah negeri di Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak. Duit syiling ini dikeluarkan sebagai Emas Pruf, Perak Berwarna Pruf dan Emas Nordic masing-masing dengan nilai muka sebanyak RM100, RM10 dan RM1.